

BAB

TIGA

BAB TIGA

LATAR BELAKANG RINGKAS SIR SYED AHMAD KHAN DAN MAHATMA GANDHI

Sir Syed Ahmad Khan,⁷⁹ dan Mahatma Gandhi,⁸⁰ dua orang tokoh ulung yang melakarkan sejarah masing-masing di bumi India. Yang pertama sebagai mujaddid atau *reformer*⁸¹ pendidikan, sosial, politik dan agama, manakala yang kedua sebagai pejuang hak asasi manusia dan pelopor perjuangan bagi mencapai kemerdekaan India. Sir Syed Ahmad Khan, dan Mahatma Gandhi, antara tokoh India yang banyak diperkatakan tentang jasa dan perjuangan mereka terhadap tanah air mereka, dalam perjuangan mengubah minda masyarakat India Muslim, melalui tulisan, lisan dan aktiviti sosial, menggesa mereka supaya mengambil yang terbaik daripada sistem pendidikan Barat. Untuk merealisasikan perjuangan ini, beliau mengambil pendekatan bekerjasama dan menyokong pemerintahan British di

⁷⁹ Beliau dianugerahkan pingat "*Companionship of the Star of India*", (C.S.I) kelas ketiga, yang disampaikan oleh The Duke of Argyll, Setiausaha Negara British untuk India, bagi pihak Queen Victoria, di London pada 1869M. Lihat G.F.I.Graham (1974), *The Life and Work of Syed Ahmed Khan C.S.I.*. Delhi: Idarah-I Adabiyat-I Delli, h. 99.

Manakala pada 1888M, beliau dianugerahkan darjah "*The Knight Commander of the Star of India* (K.C.S.I). Lihat Sayyid Sir Syed Ahmad Khan, <http://www.cis.ca.org/voices/k/syjdkhn-mn.htm>, 1 Jun 2001.

⁸⁰ Gelaran Mahatma yang bererti "roh agung" (*The Great Soul*) diberikan oleh Rabindranath Tagore, seorang pengarang India terkenal dan gelaran ini kemudian digunakan secara meluas. Lihat <http://www.sscnet.ucla.edu/southasia/History/Gandhi/gandhi2.html>, 11 Mac 2003.

Mengikut Simone Panther-Brick, perkataan "Mahatma" digunakan seawalnya pada 1920. Simone Panther-Brick (1966), *Gandhi Against Machiavellism*. Bombay: Asia Publishing House, h. 3.

⁸¹ Di antara tulisan yang mengaitkan beliau sebagai *reformer* (pembaharu atau mujadid) seperti: "...proves that this great Indian reformer has not lived, nor thought in vain", Lihat J.M.S. Baljon, Jr., D.D. (1964), *The Reforms and Religious Ideas Of Sayyid Sir Syed Ahmad Khan*. Lahore: Sh. Muhammad Ashraf, h.155.

"Sir Syed Ahmad Khan, an educational, political and religious reformer...", "Sir Syed Ahmad Khan", <http://www.schinan.com/SirSyed.htm>, 15 Julai 2002, dan

He was indeed, a visible symbol of Muslim regeneration, a catalyst of social and educational reforms". "Syed Sir Syed Ahmad Khan's Unfinished Agenda: Unmask Islam's Liberal Face", <http://www.muslimindia.com/iis.htm>, 10 Januari 2003.

India.⁸² Manakala Mahatma Gandhi, mengalami penghinaan dan tindakan kasar [*manhandling*] di tangan bangsa kulit putih, adalah penggerak utama dalam perjuangan menuntut hak keadilan dan kemerdekaan bagi India, mengambil sikap tidak bekerjasama dan menentang British dengan menganjurkan tindakan penentangan tanpa menggunakan kekerasan iaitu, *Satyagraha*,⁸³ atau (*passive resistance*).

Perbincangan mengenai latar belakang tokoh pada bab ini dibahagikan kepada beberapa tajuk kecil iaitu:

- (a) Kelahiran dan Pendidikan;
- (b) Perubahan Hidup dan Kerjaya;
- (c) Perjuangan dan Karya;
- (d) Sikap dan Prinsip Hidup.

3.1 LATAR BELAKANG SIR SYED AHMAD KHAN

⁸² telah menyampaikan ucapan beliau pada sidang *Indian National Congress (Congress)* di Lucknow pada 28 Disember 1887M. Pada masa menyampaikan ucapan di Meerut pada 16 Mac 1888M, beliau mengatakan jika pemerintah Inggeris dan bala tenteranya meninggalkan India, akan berlaku kekacauan dan huru hara dan India akan diperintah oleh kuasa asing lain kerana apabila India diserang tidak ada suatu kuasa yang benar-benar kuat dalam negeri untuk menentang kuasa asing itu. Dengan demikian mengikut pendapat beliau, kerajaan Inggeris patut kekal memerintah untuk beberapa lama, malahan patut selama-lamanya. Ini jelas menunjukkan sokongan kuat beliau terhadap British. Lihat, My Main Jinnah Page, "Sir Syed Ahmad Khan and the Indian National Congress", http://www.geocities.com/a_habib/Jinnah/sak.html, 10 Januari 2003.

⁸³ *Satyagraha* diertikan sebagai *Force of Truth*. Orang yang berjuang untuk kebenaran tanpa menggunakan cara kekerasan dinamakan *Satyagrahi*. Lihat, Simone Panther-Brick, (1966), *op. cit*, h.11.

3.1.1 Kelahiran Dan Pendidikan

Sir Syed Ahmad Khan, dilahirkan pada 17 Oktober, 1817M, di Delhi,⁸⁴ India. Beliau adalah anak kedua daripada tiga orang adik beradik, salah seorangnya perempuan.⁸⁵ Bapanya bernama Syed Muhammad Muttaqi, seorang yang rapat dengan maharaja Akhbar II, mereka berkawan sejak kecil lagi. Atas hubungan ini beliau orang yang berpengaruh di Istana Diraja.⁸⁶ Ibunya bernama Azizun Nisa Begum,⁸⁷ adalah anak perempuan sulung Khwajah Fareed-ud-Din Ahmad, seorang Perdana Menteri zaman Mughal. Beliau seorang wanita berpendidikan dan taat dalam agama.⁸⁸ Dengan demikian dapat dikatakan bahawa Syed Ahmad dilahirkan di kalangan keluarga bangsawan Mughal, baik daripada sebelah bapa mahupun sebelah ibunya. Malahan beliau dikatakan berasal daripada keturunan Rasulullah s.a.w. daripada sebelah ayahnya, melalui anaknya Siti Fatimah al-Zahra dan menantunya Sayidina Ali Ibni Abi Talib, iaitu generasi ke-36.⁸⁹ Nenek moyang

⁸⁴ J.M.S. Baljon, Jr., D.D. (1964), *op. cit.*, h. 1.

⁸⁵ "Sayyid Sir Syed Ahmad Khan (1817-1898-1232-1316)", <http://www.cis.ca.org/voices/k/syydkhn-mn.htm>,

1 Jun 2001.

⁸⁶ Shan Muhammad (1969), *Sir Syed Ahmad Khan A Political Biography*. Meerut India: Meenakshi Prakashan, h. 43.

⁸⁷ *Ibid.*, h. 44.

⁸⁸ The Milli Gazette, "The Grand Old Man of Aligarh", <http://www.milligazette.com/Archives/15102002/1510200262.htm>, 10 Januari 2003.

⁸⁹ Salsilah berikut terpahat pada batu marmar di pusara menunjukkan urutan keturunannya daripada Sayidina Hussain: (1) Fatma Zahra (2) Amir-ul-Momineen Ali Ibn Abu Talib (3) Imam Hussain (4) Imam Zainul Abedin (5) Imam Muhammad Baqar (6) Imam Jaffar Sadiq (7) Imam Musa Kazim (8) Imam Ali Musa Raza (9) Imam Muhammad Taqi (10) Syed Musa Meer Raqi (11) Syed Ali Abdullah Ahmad (12) Syed Muhammad Arj (13) Syed Muhammad Ahmad (14) Syed Ahmad (15) Syed Musa (16) Syed Ahmad (17) Syed Muhammad (18) Syed Ali (19) Syed Jaffar (20) Syed Muhammad (21) Syed Isa (22) Syed Abdul Fateh (23) Syed Ali (24) Syed Yar Hussain (25) Syed Kazimuddin Hussain (26) Syed Jaffar (27) Syed Baqar (28) Syed Musa (29) Syed Sherfuddin Hussain (30) Syed Ibrahim (31) Syed Hafiz Ahmad (32) Syed Aziz (33) Syed Muhammad Dost (34) Syed Burhan (35) Syed Muhammad Amad (36) Syed Muhammad Hadi (37) Syed Muhammad Muttaqi, dan (38) Syed Ahmad. Lihat Shan Muhammad (1969), *op. cit.*, h. 42. juga dicatatkan sebagai orang yang menyusun sendiri salsilahnya sehingga kepada Nabi Muhammad s.a.w. melalui

beliau yang tertekan di bawah pemerintahan Bani Umayyah, berpindah ke Damghan (Parsi), dan akhirnya bermastautin di Herat (Afghanistan). Keluarga beliau datang ke India pada masa pemerintahan Shah Jahan (1628-1666M), dan dilantik ke beberapa jawatan penting.⁹⁰ Seperti telah dinyatakan, datuk sebelah ibunya; Khwajah Fareed-ud-Din Ahmad, seorang Perdana Menteri yang masyhur semasa pemerintahan Maharaja Akhbar II, dilantik ke beberapa jawatan penting antaranya sebagai diplomat ke Parsi pada 1803M, dan sebagai agen politik di istana Ava di Burma yang dilantik oleh Kerajaan British.⁹¹ Beliau seorang yang cekap dalam pentadbiran, seorang ahli politik dan seorang sarjana. Mengikut penulis biografi Syed bernama Hali, kebanyakan daripada bakat politik Syed diwarisi daripada sebelah emaknya.⁹² Keluarga Kwajah adalah keluarga ahli perniagaan manakala keluarga Syed adalah keluarga bangsawan Mughal.⁹³

Syed Ahmad boleh dikatakan banyak menghabiskan masa kanak-kanaknya di persekitaran istana Mughal. Beliau amat disenangi oleh anak-anak raja Mughal dan selalu bermain dengan mereka. Anak kecil ini telah nampak kecerdasan fikirannya sejak kecil lagi dan kerap bertanya soalan-soalan yang agak serius dan sukar.⁹⁴ Pada satu hari beliau berlari dari apartmen wanita menuju ke bilik

anak baginda Fatimah, pada sekeping kertas besar. Lihat Sayyid Sir Syed Ahmad Khan (1817-1898/1232-1316), *op. cit.*, 1 Jun 2001.

⁹⁰ J.M.S Baljon, Jr., D.D. (1964), *op. cit.*, h. 3.

⁹¹ Syed Sir Syed Ahmad Khan, *Sirat-e-Fareedia*, dalam Shan Muhammad (1969), *op. cit.*, h. 43.

⁹² *Ibid.*, h. 45.

⁹³ "Sayyid Sir Syed Ahmad Khan (1817-1898-1232-1316)", *op. cit.*, 1 Jun 2001.

⁹⁴ Shan Muhammad (1969), *op. cit.*, h. 44.

datuknya, di mana Jeneral Ochterlony,⁹⁵ sedang duduk bersama datuknya. Melihat ini, beliau ingin segera beredar, tetapi telah dipanggil, dan diminta bercakap dengan Jeneral. Jeneral Ochterlony meletak beliau pada pangkuannya, apabila anak pintar itu dengan perlahan bertanya mengapa beliau memakai bulu binatang pada topinya (Jeneral baru lepas menghadap di istana dan dalam berpakaian lengkap), dan terdapat sejumlah butang emas di kotnya. Jeneral merasa terkesan pada rasa ingin tahu si anak kecil, yang terus dan tidak puas-puas bertanya. Ketika itu beliau baru berumur enam tahun.⁹⁶

Masa muda beliau penuh ceria dan kegembiraan. Beliau belajar memanah dan berenang daripada ayahnya. Beliau gemar menghadiri berbagai-bagai perayaan kaum bersama abangnya, Syed Muhammad. Begitu juga, beliau tidak asing dengan pelbagai upacara istana, kerana beliau sering hadir di balai menghadap diraja sebagai wakil ayahnya.⁹⁷

Syed tidak mendapat pendidikan formal, ini kerana keadaan pada masa itu menyebabkan ibu bapanya terpaksa memberikan pendidikan tradisional semata-mata kepada beliau. Keadaan bapanya yang tidak mempunyai banyak masa, kerana sibuk termasuk urusan dengan pihak istana, memaksa beliau menyerahkan hal pendidikan Syed kepada ibunya.⁹⁸ Beliau memainkan peranan utama

⁹⁵ Jeneral Ochterlony pada masa itu adalah Residen British di Delhi, beliau dan Perdana Menteri dan bapa Syed Sir Syed Ahmad Khan adalah sahabat karib, di mana kebiasaan bagi Jeneral mengunjungi mereka pada bila-bila masa siang atau malam. Lihat, G.F.I Graham (1974), *op. cit.*, h. 3.

⁹⁶ *Ibid.*, h. 4.

⁹⁷ J.M.S. Baljon, Jr., D.D. (1964), *op. cit.*, h. 3.

⁹⁸ Shan Muhammad (1969), *op. cit.*, h. 44.

memperkenalkan bahasa Arab dan kesusasteraan Parsi kepada Syed. Selain itu beliau juga mempelajari matematik, logik dan Urdu. Beliau belajar membaca al-Quran mula-mulanya dengan seorang guru agama terkenal dari Delhi, iaitu Hazrat Shah Ghulam Ali Saheb, yang mana beliau belajar dengan cara mengikuti apa yang dibaca oleh gurunya. Kemudian, seorang guru perempuan dikhaskan mengajar beliau kitab suci al-Quran dan bahasa Parsi asas.⁹⁹

Pada waktu malam, beliau mengulangi pelajaran yang telah di pelajari di waktu siang, di depan ibunya, yang memaksa beliau berbuat demikian sehingga beliau berusia 12 tahun. Ibunya seorang yang istimewa, watak dan peribadinya meninggalkan kesan yang mendalam terhadap Syed. Beliau seorang yang kuat menjaga disiplin dalam mendidik Syed. Syed mengingati bagaimana ibunya memegang rotan di sebelah tangannya, setiap kali beliau mengulang kaji pelajaran di hadapannya.¹⁰⁰ Pada masa yang lain, ketika saya berumur sebelas tahun, saya mentertawakan pembantu rumah yang sudah tua. Ibu saya mendengarnya. Seketika, setelah saya pulang ke rumah, beliau berkata kepada saya dengan marah: “Pergi dari sini, kamu tidak layak tinggal di sini”. Seorang pembantu perempuan memegang tangan saya, membawa saya keluar dan membiarkan saya atas jalan. Pada ketika itu, seorang pembantu perempuan lain keluar dari rumah mak cik saya, yang dekat sahaja, dan membawa saya ke rumahnya. Mak Cik berkata kepada saya: “Dengar sini,! Kakak saya sangat marah pada kamu. Sekarang saya kena sembunyikan kamu pada satu tempat yang kamu tidak boleh lari, jika tidak, dia

⁹⁹ *Ibid.*

¹⁰⁰ *Ibid.*, h. 45.

akan marah kepada saya juga”. Selama tiga hari saya terkurung dalam rumah tersebut; pada hari ketiga mak cik pergi berjumpa dengan ibu, supaya memaafkan saya. Dia menjawab: “Jika dia meminta maaf kepada pembantu itu, saya juga akan memaafkannya”. Kemudian saya pulang ke rumah, di pintu masuk saya meminta maaf kepada pembantu tersebut dengan kedua-dua belah tangan.¹⁰¹

Syed juga mempelajari kitab Arab seperti *Gulistān*, *Bustān*, *Sharaḥ Mulla* dan *Syaraḥ Tahzīb*. Selepas ini, beliau belajar matematik dan Geometri dan terakhir beliau belajar tentang ilmu perubatan daripada Hakim Ghulam Haider Khan, seorang doktor keluarga beliau. Pada usia 18 tahun, setelah menamatkan pendidikan tradisional, beliau berpeluang belajar dengan Mirza Asadullah Khan Ghalib dan Sheikh Ibrahim Zauq, penyair Urdu yang terkenal, yang dikatakan memberi kesan mendalam dalam stail dan kemahiran penulisan beliau di kemudian hari.¹⁰² Beliau tidak berpeluang mempelajari bahasa Inggeris.¹⁰³

Kecenderungan beliau untuk belajar diteruskan kemudian, pada masa beliau menjadi *munsif* (hakim bagi kes kecil) di Delhi, beliau mendalami ilmunya dengan berguru dengan beberapa orang guru terkenal di Delhi. Beliau mempelajari beberapa buah kitab seperti *Muqāmar al-Ḥarīry*, *Mu`allaqāt* dengan Mawlavi Faiz al-Hasan; Fiqh (Undang-undang Islam) dengan memilih kitab *Syaraḥ Waqāyah* dan *Hidāyah* dan *Usūl al-Fiqh* (Prinsip Undang-undang Islam), beliau juga mempelajari beberapa buah kitab termasuk *Shashīy* dan *Nār al-Anwār* daripada

¹⁰¹ Altaf Hussain Hali (1939), *Hayat-e-Javed*, dalam J.M.S Baljon, Jr., D.D. (1964), *op. cit.*, h. 5.

¹⁰² Shan Muhammad (1969), *op. cit.*, h. 46.

¹⁰³ G.F.I. Graham (1974), *op. cit.*, h. 7.

Mawlavi Nawazish Ali. Manakala Mawlana Makhsas Allah, cucu kepada Shah Wali Allah, memperkenalkan beliau kepada seni sastra kenabian, dan sebahagian daripada kitab *Mishkah al-Maṣābīḥ* dan *Ṣaḥīḥ Muslim*.¹⁰⁴

3.1.2 Perubahan Hidup Dan Kerjaya

Kematian datuknya Kwajah Fareed-u-Din pada 1828M, mungkin kurang meninggalkan kesan kepada Syed yang ketika itu baru berumur sebelas tahun. Tetapi kematian bapanya Syed Muhammad Muttaqi, pada 1838M,¹⁰⁵ meninggalkan kesan mendalam kepada Syed, kerana ketua keluarga yang dikasihi dan tempat bergantung sudah tiada lagi. Pada masa itu, kerajaan Mughal berada pada zaman suramnya, manakala Perdana Menteri Bahadur Shah, Raja Sohan Lal, menarik balik semua pemberian kerajaan termasuk tanah; keadaan ini menyebabkan keluarga beliau hanya bergantung kepada pencen ibunya yang tidak seberapa.¹⁰⁶ Syed yang masih remaja berumur dua puluh satu tahun, memutuskan untuk memikul sebahagian tanggungjawab keluarga. Beliau memasuki perkhidmatan British sebagai *Sirishtedar (Recorder)*¹⁰⁷ di Jabatan Jenayah, pejabat *Sadr Amin (Subjudge)*¹⁰⁸ di Delhi.

¹⁰⁴ "Sayyid Sir Syed Ahmad Khan (1817-1898-1232-1316)", *op.cit.*, 1 Jun 2001.

¹⁰⁵ Shan Muhammad (1969), *op. cit.*, h. 46.

¹⁰⁶ "Sayyid Sir Syed Ahmad Khan (1817-1898-1232-1316)", *op. cit.*, 1 Jun 2001.

¹⁰⁷ *Ibid.*

¹⁰⁸ Biographisch-Bibliographisches Kirchenlexikon, http://www.bautz.de/bbkl/a/ahmad_k_s.shtml, 25 Januari 2003.

Lapan tahun setelah kematian bapanya, abangnya Syed Muhammad pula meninggal dunia pada 1845M.¹⁰⁹ Kematian abangnya pada usia muda dan tidak disangka-sangka itu, amat menyedihkan beliau, kerana beliau terlalu rapat dengan abangnya. Ke mana sahaja mereka sering berdua, seperti menghadiri perayaan dan tempat-tempat yang menghiburkan hati.¹¹⁰ Setelah kematian abangnya, beliau telah meninggal kehidupan yang riang-ria, termasuk cara berpakaian berfesyen dan mulai menyimpan janggut.¹¹¹ Setelah ini, beliau menjalani kehidupan yang lebih fokus kepada kerjaya, di samping berjuang melalui ketajaman pena dalam pelbagai bidang.

Seterusnya sebagai *Naib Munshi (Deputy Reader)*, di Agra (1839-41M), sebagai *Munsif (Small Cause Judge)* di Mainpuri (1841-42M), Fatehpur Sikri (1842-46M), dan Delhi (1846-54M).¹¹² Apabila beliau tiba di Delhi pada 1846M, beliau dianugerahkan gelaran turun temurun iaitu *Jawad-ud-Dowla Arif-e-Jang*,¹¹³ oleh Maharaja Bahadur Shah Zafar.¹¹⁴ Pada 1850M, ditukarkan ke Rohtak (Punjab), sebagai pemangku *Sadr Amin*,¹¹⁵ atau *subjudge*¹¹⁶ dan pada Januari

¹⁰⁹ Chronology, <http://sirsyed.ssuet.edu.pk/chron.htm>, 13 Februari 2002.

¹¹⁰ J.M.S. Baljon, Jr., D.D. (1964), *op. cit.*, h. 7

¹¹¹ "Sayyid Sir Syed Ahmad Khan (1817-1898-1232-1316)", *op. cit.*, 1 Jun 2001.

¹¹² Biographisch-Bibliographisches Kirchenlexikon, *op. cit.*, 25 Januari 2003.

¹¹³ Mengikut Graham terdapat tiga susunan anugerah: pertama yang berakhir dengan "ul-Mulk" sama dengan duke; kedua, yang berakhir dengan "ud-Dowla" sama dengan earl, dan ketiga, yang berakhir dengan "Jang", atau baron. Bagi Arif Jang beliau memberi erti sebagai *Master of War* (Panglima Perang). G.F.I Graham (1974), *op. cit.*, hh. 3 & 7.

¹¹⁴ Maulana Altaf Hussain (1939), dalam Shan Muhammad (1969), *op. cit.*, h. 47.

¹¹⁵ "Sayyid Sir Syed Ahmad Khan (1817-1898-1232-1316)", *op. cit.*, 1 Jun 2001.

Manakala Graham menyatakan menyandang jawatan *Subordinate judge* apabila ditukarkan ke Rohtak. Jadi *Sadr Amin* dapat diertikan sebagai hakim mahkamah rendah atau Majistret. Lihat G.F.I. Graham (1974), *op. cit.*, h. 18.

¹¹⁶ Biographisch-Bibliographisches Kirchenlexikon, *op. cit.*, 25 Januari 2003.

1855M, ditukarkan ke Bijnor (Uttar Pradesh) sebagai *Sadr Amin*,¹¹⁷ dan beliau kekal di sini sehingga meletusnya Pemberontakan 1857M.¹¹⁸ Beliau ditukarkan ke Moradabad (1858-62M), Ghazipur (1862-64M), Aligarh (1864-67M). Beliau dinaikkan pangkat sebagai Hakim, Mahkamah Kes Kecil (*Small Cause Court*),¹¹⁹ dan ditukarkan ke Benares (1867-76M).¹²⁰ Syed bersara daripada perkhidmatan kehakiman pada 1876M.¹²¹

3.1.3 Perjuangan dan Karya

Semasa Pemberontakan (1857-58M), beliau menyebelahi pihak British, menyelamatkan banyak nyawa orang-orang Inggeris lelaki dan perempuan, dan memberi mereka perlindungan walaupun nyawanya terancam. Beliau mendapat pujian pihak British dan dihadiahkan dengan sebuah ladang yang sangat berharga, tetapi beliau enggan menerimanya.¹²² Selepas peristiwa Pemberontakan, beliau amat bimbang atas nasib malang yang menimpa masyarakat Islam. Dalam usaha untuk menangani masalah ini beliau disifatkan sebagai orang yang sedang bergelut untuk memadamkan api yang sedang membakar sebahagian rumahnya. Beliau pernah berkata, keadaan cemas itu telah mengubani rambutnya dan beliau menjadi

¹¹⁷ Sumber ini menyatakan beliau dilantik sebagai *Sadr Amin*. Lihat, "Geneology Sir Syed Ahmad Khan", <http://www.med.unsw.edu.au/fasi/geneology.htm>, 25 Januari 2003.

¹¹⁸ G.F.I. Graham (1974), *op. cit.*, h. 18.

¹¹⁹ "Sayyid Sir Syed Ahmad Khan (1817-1898-1232-1316)", *op. cit.*, 1 Jun 2001.

¹²⁰ Biographisch-Bibliographisches Kirchenlexikon, *op. cit.*, 25 Januari 2003.

¹²¹ "Geneology Sir Syed Ahmad Khan", *op. cit.*, 25 Januari 2003.

¹²² Ladang dimiliki oleh Mir Sadiq Ali dan Mir Rustam Ali (dari Daerah Chandpur Bijnor). Maulana Nazeer Ahmad berkata Syed enggan menerima atas prinsip "beliau tidak hendak menghilangkan dahaganya dengan darah seorang Islam", *Hayat-e-Javed* dalam Shan Muhammad (1969), *op. cit.*, h. 48.

tua sebelum sampai masanya. Kemusnahan hampir keseluruhan keluarga Islam dapat dilihat di Moradabad, Bijnor, Oudh dan India utara. Kemusnahan harta benda sangat besar, menyebabkan Syed hilang semua harapan untuk pertumbuhan semula mereka. Mereka seumpama kapal di lautan yang bergelora, dilambung ombak ke sana sini, dan kelihatan akan berantakan terhempas ke batu pada bila-bila masa.¹²³ Kejadian ini betul-betul mengubah orientasi pemikiran beliau. Jatuhnya empayar Mughal dan musnahnya keagungan sebuah kerajaan Islam, menyebabkan fokus pemikiran beliau terus kepada persoalan politik, dan beliau mula menulis mengenai isu politik yang membara pada zamannya.¹²⁴

Setelah pemberontakan tenang, beliau duduk dan menganalisis sebab-sebab berlakunya pemberontakan orang India dan menyediakan sebuah risalah bertajuk "*Asbab-e-Baghavat-e-Hind*" dalam bahasa Urdu,¹²⁵ (Punca Pemberontakan Orang India), diterjemahkan ke bahasa Inggeris sebagai *The Causes of The Indian Revolt*, pada 1873M.¹²⁶ Secara khusus beliau membentangkan punca berlakunya peristiwa tersebut seperti berikut:

- (a) Ketiadaan wakil daripada kalangan rakyat India menganggotai Majlis Perundangan Kerajaan British.¹²⁷

¹²³ *Ibid.*, hh. 48-49.

¹²⁴ *Ibid.*, h. 46.

¹²⁵ "Sayyid Sir Syed Ahmad Khan (1817-1898/1232-1316)", *op. cit.*, 1 Jun 2001.

¹²⁶ Diterjemahkan oleh Sir Auckland Colvin dan Lieut. Col. G.F.I. Graham. Lihat G.F.I. Graham (1974), *op. cit.*, h. 32.

¹²⁷ *Ibid.*, h. 36. Beliau berpendapat dengan adanya wakil dari kalangan rakyat, Kerajaan akan mengetahui sama ada projeknya diterima baik oleh rakyat ataupun tidak.

- (b) Campur tangan Kerajaan dalam perkara agama.¹²⁸
- (c) Isu pendidikan wanita.¹²⁹
- (d) Menguatkuasakan Undang-undang pengutipan hasil tanah.¹³⁰
- (e) Kerajaan mengabaikan perasaan rakyat.¹³¹
- (f) Sistem tentera British yang cacat.¹³²

Terhadap kritik yang mengatakan bahawa pemberontakan tersebut merupakan konspirasi orang Islam terhadap British yang telah dirancang terlebih dahulu, Syed mengatakan bahawa melihat kepada sifat kejadian yang berlaku secara terpencil di sana sini, sudah membuktikan bahawa tiada konspirasi menyeluruh, juga tidak ada sedikit pun alasan untuk mengaitkan para pemberontak India menerima bantuan dari Russia atau Persia.¹³³

Sebab tercetusnya pemberontakan, mengikut Syed, bukan kerana konspirasi dengan Persia dan Russia, tidak atas sebab percantuman Oudh, tidak juga jihad menentang kafir. Sebab sebenarnya berpunca daripada kerajaan British tidak mengikut serta orang India dalam Majlis Perundangan. Pandangan ini juga

¹²⁸ *Ibid.*, h. 39. Beliau mengatakan menjadi percakapan umum di kalangan rakyat bahawa Kerajaan British sengaja campur tangan dalam hal agama dan adat resam mereka. Mereka percaya bahawa pihak Kerajaan merancang memaksakan agama Kristian dan adat resam asing terhadap masyarakat Hindu dan Islam.

¹²⁹ *Ibid.*, h. 44. Rakyat percaya kehadiran wanita di sekolah atas kehendak Kerajaan dan Kerajaan memaksa mereka membuang pemakaian penutup muka dalam kelas.

¹³⁰ *Ibid.*, hh. 45-46. Banyak tanah yang tidak dikenakan bayaran hasil berabad-abad lamanya, tiba-tiba dikenakan melalui pengenalan undang-undang. Rakyat awam amat tertekan dengan peraturan ini.

¹³¹ *Ibid.*, hh. 48-54. Tiada komunikasi sebenar di antara pemerintah dengan yang diperintah.

¹³² *Ibid.*, hh. 55-57. Di samping kecacatan dari segi jumlah tentera British yang kecil, ialah keengganan rejimen Muslim menerima kotak peluru yang baru kerana semangat setia kawan pasukan [*esprit de corps*] terhadap rejimen Hindu yang enggan mencekik peluru dengan mulut kerana dikatakan disalut dengan lemak lembu yang boleh memusnahkan taraf kasta mereka.

¹³³ G.F.I. Graham (1974), *op. cit.*, h. 49.

kemudiannya diakuri kebenarannya oleh seorang penulis British, Sir W.W. Hunter yang mengatakan bahawa "*the chronic peril which environed the British power in India was the gap between the ruler and the ruled*".¹³⁴

Tidak adanya wakil orang India dalam Majlis Perundangan India menyebabkan timbul banyak keburukan. Kerajaan tidak ada saluran untuk mengetahui reaksi rakyatnya terhadap undang-undang dan peraturan yang diluluskan. Orang India juga tiada saluran untuk menyatakan pandangan mereka mengenai undang-undang berkenaan, dan ini menimbulkan salah faham.¹³⁵ Inilah sebab utama mengikut Syed.

Setelah menulis buku tersebut, beliau bertekad menghantarnya kepada Kerajaan British, tetapi seorang kawan baik beliau menasihati supaya membakar semua salinan yang ada, dan tidak meletakkan dirinya pada kedudukan bahaya kerana mendedahkan perkara sensitif. Tetapi Syed tetap bertegas untuk menghantarnya dengan berkata: "Saya menganggap tugas saya terhadap negara, rakyat, dan kerajaan sendiri untuk membawa perkara ini ke pengetahuan umum. Tetapi jika saya mengalami akibat buruk daripada sebab yang memberi faedah kepada kedua-dua empayar dan rakyatnya, saya akan menanggungnya".¹³⁶

¹³⁴ W.W. Hunter (t.t.), *The Dedication of the Indian Musalmans*, dalam Shan Muhammad (1969), *op. cit.*, h. 50.

¹³⁵ *Ibid.*

¹³⁶ J.M.S. Baljon, Jr., D.D. (1964), *op. cit.*, hh. 15-16.

Kemudian sebanyak 500 naskhah buku tersebut dihantar kepada Kerajaan India di England.¹³⁷

Pada 28 Julai 1859M, Syed menghimpunkan masyarakat Islam Moradabad untuk majlis kesyukuran yang dihadiri oleh 15,000 orang Islam. Dalam majlis ini Syed menyampaikan ucapan yang disebarkan secara meluas, di mana beliau menyatakan bahawa British adalah “pemerintah yang adil”, dan menganggap peristiwa 1857M sebagai suatu takdir.¹³⁸

Syed amat yakin, bahawa penderitaan masyarakat Islam India, disebabkan oleh sifat konservatisme yang menjadikan mereka di penjara oleh pemikiran jumud sendiri. Beliau ingin melihat mereka menerima sistem pendidikan Inggeris yang akan mengeluarkan mereka daripada kepompong konservatif. Beliau pernah berkata “sebabnya, saudara ku, kita semua mundur hari ini, sementara kita mempelajari dan mendapat faedah daripada falsafah, sains dan sastera yang usang, ialah kita hampir mengabaikan keseluruhan perkara berkaitan dengan zaman moden.”¹³⁹ Beliau berhujah, memandangkan kita tidak mungkin fasih berbahasa Jerman, Perancis, dan memandangkan hasil karya agung telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris, kita patut memperuntukkan masa untuk mempelajari bahasa ini. Kepada mereka yang prasangka dan ragu-ragu untuk menerima pendidikan Barat, beliau berkata:

¹³⁷ *Ibid.*, h. 16.

¹³⁸ “Sayyid Sir Syed Ahmad Khan (1817-1898/1232-1316)”, *op. cit.*, 1 Jun 2001.

¹³⁹ Ucapan disampaikan oleh Syed kepada *Muhammadan Literary Society* di Calcutta pada 6 Oktober 1863, dalam Shan Muhammad (1969), *op. cit.*, h. 51.

*"No religious prejudices interfere with our learning any language spoken by any of the many nations of the world. From remote antiquity we have studied Persian, and no prejudice has ever interfered with the study of that language. How, then, can any religious objection be raised against our learning and perfecting ourselves in English?"*¹⁴⁰

Seterusnya pada 1860M, beliau menulis dan menerbitkan sebuah risalah yang bertajuk "*The Loyal Mohammedans of India*"¹⁴¹ (Orang-orang Islam India Yang Setia). Tujuan beliau menulis risalah ini ialah untuk merekodkan secara rasmi individu Muslim yang berjuang bermati-matian mempertahankan pentadbiran British semasa pemberontakan. Hal ini juga sebagai menjawab kritikan dan tohmahan pihak tertentu yang tidak berasas, seperti dicatatkan oleh beliau dalam risalah berkenaan:

I am an attentive reader of the newspapers, and I also read the various works that have been written upon the mutiny and rebellion, and in all do I find the most bitter denunciations against the Mohammedans, who are freely represented as being everything that is vile, treacherous, and contemptible. There was no prickly thorn in those awful times respecting which it was not said that it was planted by a Mohammedans! There was no fiery whirlwind that was not raised by a Mohammedans! And yet what are the facts? The very opposite, indeed, of what the mistaken popular opinion would show them to be; for I really do not see that any class besides the Mohammedans displayed so much single-minded and earnest devotion to the interests of Government, or so willingly sacrificed reputation and status, life and prosperity, in its cause. It is an easy thing to make empty profession of loyalty and service, and to write an occasional bulletin of news, false or true; but it is to the Mohammedans that the credit belongs of having stood the stanch

¹⁴⁰ *Ibid.*

¹⁴¹ Dalam risalah ini nama-nama orang Islam yang berjuang di pihak British disenaraikan, termasuk mereka yang membantu mangsa yang tidak berdosa seperti kaum wanita dan kanak-kanak. Begitu juga orang Islam di kalangan penjawat awam yang berusaha sedaya upaya mengembalikan ketenteraman awam, walaupun nyawa terancam. Tulisan ini juga bertujuan menegakkan keadilan bagi pihak orang Islam yang tidak bermaya, keliru dan tidak mampu mempertahankan diri mereka pada masa itu. Mereka dituduh dengan berbagai-bagai tuduhan yang menyebabkan berlakunya pemberontakan. Rata-rata masyarakat Islam dipersalahkan seolah-olah kejadian tersebut disebabkan oleh mereka sahaja, tidak orang lain. Lihat G.F.I. Graham (1974), *op. cit.*, hh. 58-69.

*and unshaken friends of the Government amidst that fearful tornado that devastated the country, and shook the empire to its centre; and who were ever ready, heart and hands, to render their aid to the utmost extremity, or cheerfully to perish in the attempt, regardless of home and kindred, of life and its enjoyment. Be it known, however, that I certainly am not advocate of those Mohammedans who behaved undutifully, and joined in the rebellion; on the contrary, I hold their conduct in utter abhorrence, as being in the highest degree criminal, and wholly inexcusable."*¹⁴²

Setelah menunaikan tanggungjawab membersihkan segala tohmahan dan tuduhan tidak berasas melalui tulisan, beliau memikirkan tindakan seterusnya. Jika sebelum pemberontakan, beliau begitu yakin terhadap pembaharuan pendidikan, maka selepas pemberontakan keyakinan itu makin bertambah.¹⁴³

Pada pandangan beliau pendidikan yang diterima oleh masyarakat Islam India tidak mencukupi kerana ia hanya terdiri daripada mantik (logik), falsafah, sastera Arab, dan agama. Manakala Geografi, sastera moden dan ilmu sains, dan sejarah terkini tentang bangsa dan negara, merupakan subjek yang tertutup bagi mereka.¹⁴⁴ Malahan beliau dikatakan membawa moto yang memberangsangkan iaitu, "mendidik, mendidik, mendidik". Beliau pernah berkata kepada G.F.I Graham, pengarang biografinya seperti berikut: "semua penyakit sosiopolitik di

¹⁴² *Ibid.*, hh. 60-61.

¹⁴³ Beliau menulis pada 1879M: "Now that Ghadar (mutiny) is over, and whatever had to pass for the Muslims has passed and I am worried about improvement of our nation, I pondered hard and after a long reflection came to the conclusion that it is not possible to improve their lot unless they attain modern knowledge and technologies that are a matter of honour for other nations in the language that, through the will of Allah, rules over us (i.e. English rulers). "Sayyid Sir Syed Ahmad Khan (1817-1898/1232-1316)", 1 Jun 2001.

¹⁴⁴ G.F.I. Graham (1974), *op. cit.*, h. 70.

India boleh disembuhkan melalui kaedah rawatan ini [pendidikan]. Sembuhkan akarnya, maka pokok akan tumbuh subur".¹⁴⁵

Atas kepercayaan ini beliau membuka *Gulshan School*¹⁴⁶ khusus untuk mempelajari sejarah moden di Moradabad.¹⁴⁷ Memandangkan kekurangan buku dalam bidang berkaitan, beliau menimbangkan idea untuk menubuhkan persatuan penterjemahan,¹⁴⁸ yang dapat dilakukan setelah beliau ditukarkan ke Ghazipur pada 1864M, sebagai Hakim Mahkamah Rendah. Beliau memanggil mesyuarat pertama, yang membawa kepada penubuhan *The Scientific Society* di Ghazipur.¹⁴⁹ Dua objektif utama persatuan ini ialah (i) untuk menterjemah hasil karya sastera dan sains dalam bahasa Inggeris dan bahasa Eropah ke bahasa utama India; (ii) Mencari dan menerbitkan hasil karya Timur yang terkenal.¹⁵⁰ Di Ghazipur juga beliau menubuhkan *Victoria School*.¹⁵¹ Pada 1864M juga, beliau dipilih sebagai ahli kehormat *Royal Asiatic Society of Great Britain*. *The Scientific Society* berpindah ke Alligarh apabila Syed bertukar ke sana. Beliau mendapat sekeping tanah dari kerajaan yang dijadikan sebagai perkebunan eksperimen. Persatuan ini kemudian berjaya menuai gandum dan barley berdasarkan tatacara moden.

¹⁴⁵ *Ibid.*

¹⁴⁶ "Sir Syed Ahmad Khan", *op. cit.*, 15 Julai 2002.

¹⁴⁷ Mengikut Graham, ia dilakukan pada 1858M. Lihat G.F.I Graham (1974), *op. cit.*, h. 70.

Sumber lain mengatakan pada tahun 1859M. Lihat Chronology, *op. cit.*, 13 Februari 2002, dan lihat

"Sir Syed Ahmad Khan", *op. cit.*, 15 Julai 2002.

¹⁴⁸ *Ibid.* (G.F.I Graham (1974)).

¹⁴⁹ G.F.I Graham (1974), *op. cit.*, h. 70.

¹⁵⁰ *Ibid.*

¹⁵¹ "Sir Syed Ahmad Khan", *op. cit.*, 15 Julai 2002.

Keadaan politik India pada masa itu memerlukan orang Islam mempunyai persatuan mereka sendiri. Beliau menubuhkan *The Aligarh British Indian Association* pada 10 Mei 1866M. Walaupun disertai oleh ramai di kalangan ahli *Scientific Society*, tuan-tuan tanah tempatan dan segelintir pegawai Eropah, persatuan ini gagal mencapai hasil yang membanggakan yang digariskan oleh pihak kerajaan, dan setelah beberapa kegagalan ia dibubarkan.¹⁵²

Pada masa ini juga beliau ingin menubuhkan sebuah “universiti negeri” bagi Wilayah Barat Laut, tetapi beliau tidak mendapat sokongan daripada pihak yang ingin menubuhkan universiti yang bahasa pengantarnya Hindi, bukan Urdu.¹⁵³

Pada 1869M beliau bersama dua orang anaknya melawat London. Untuk kos lawatan ini beliau terpaksa cagarkan rumah warisannya di Delhi dan meminjam 10,000 rupees daripada pemberi pinjaman wang dengan dikenakan kadar bunga 14% bagi pinjaman 5,000 rupees pertama dan 8% yang selebihnya. Beliau juga berjaya mendapatkan biasiswa Kerajaan untuk anaknya Syed Mahmud belajar di Universiti Cambridge yang pada masa itu seorang pelajar di universiti Calcutta. Beliau tinggal di rumah sewa di London. Semasa tujuh belas bulan di London, ia diisi dengan berbagai aktiviti sosial, kesusasteraan serta aktiviti politik. Beliau dijemput menghadiri majlis makan malam dan parti oleh para *Lord* dan *Duke*; beliau bertemu dengan ramai para penggiat seni dan pekerja biasa. Beliau

¹⁵² “Sayyid Sir Syed Ahmad Khan (1817-1898/1232-1316)”, *op.cit.*, 1 Jun 2001.

¹⁵³ *Ibid.*

dianugerahi "*Companion of the Star of India*" (C.S.I)¹⁵⁴. Sebelum pulang ke India, beliau melawat dua buah universiti terkenal Britain iaitu Oxford dan Cambridge, dan beberapa buah kolej swasta termasuk Eaton dan Harrow; ini untuk dijadikan model bagi penubuhan *Muhammadan Anglo-Oriental College* di India.¹⁵⁵

Setelah kembali ke India, Syed memulakan penerbitan berkala *Tahdhīb al-Akhlāq* pada 24 Disember 1870M, untuk mendidik dan mentamadunkan¹⁵⁶ masyarakat Islam India. Selepas bersara daripada perkhidmatan kehakiman pada 1876M, beliau menetap di Aligarh di mana pada 1877M, batu asas penubuhan *Muhammadan Anglo-Oriental College* telah disempurnakan oleh Lord Lytton.¹⁵⁷ Mulai 1 Januari 1878M, kelas pertama bermula dan berafiliasi dengan *Calcutta University*.¹⁵⁸ Pada tahun ini juga beliau telah dilantik menganggotai Majlis *Viceroy* oleh Lord Lytton. Pelantikan ini dianggap sebagai pengiktirafan Kerajaan British terhadap sumbangan beliau. Pada 1888M, beliau dianugerahi darjah the *Knight*

¹⁵⁴ Pingat dan tauliah diraja yang disampaikan oleh *Duke of Argyll* yang juga Setiausaha Negara untuk India. Lihat G.F.I. Graham (1974), *op. cit.*, h. 100.

¹⁵⁵ "Sayyid Sir Syed Ahmad Khan (1817-1898/1232-1316)", *op. cit.*, 1 Jun 2001.

Penubuhan Institusi ini juga mendapat sokongan moral dan material daripada para pencinta pendidikan daripada kalangan Hindu seperti dinyatakan dalam ucapan Syed Mahmud mewakili bapanya pada peletakan batu asas Kolej M.A.O oleh Lord Lytton pada 8 Januari 1877M. Lihat G.F.I. Graham (1974), *op. cit.*, h. 272.

¹⁵⁶ Maksud 'mentamadunkan' di sini ialah untuk merealisasikan penggunaan akal fikiran (reason) dan sains'. "A Spokesman for the Age of Reason",

<http://members.tripod.com/ahsaligarh/spoke.htm>, 4 Februari 2003.

¹⁵⁷ *Ibid.*, h. 267. Lord Lytton ialah Viceroy dan Gavenor General India pada masa itu.

¹⁵⁸ Kelas untuk ijazah pertama bermula pada 1 Januari 1881, Mr Ishwari Prasad (seorang Hindu) merupakan pelajar pertama Kolej M.A.O lulus peperiksaan. Kolej ini juga dikunjungi oleh orang kenamaan seperti Prince of Wales 7 Mac 1906M, manakala Mahatma Gandhi melawat kolej pada 25 Oktober 1920M. Lihat "The Aligarh Muslim University - AMU Aligarh", http://www.med.unsw.edu.au/fasi/amu_university.htm, 25 Januari 2003.

Commander of the Star of India (K.C.S.I) yang membawa gelaran 'Sir', dan pada 1889M, beliau menerima ijazah kehormat dari *University of Edinburgh*.¹⁵⁹

Di antara ciri yang dikagumi terhadap diri Syed ialah sifat prolific dalam penulisan. Walaupun tidak berpendidikan formal dan meninggalkan pelajaran pada usia 19 tahun, namun beliau seorang yang kritikal dan produktif dalam penulisan. Beliau menulis dalam pelbagai bidang, seperti keagamaan, termasuk mengulas Kitab *Bible*, sejarah dan lain-lain. Namun ada pendapat mengatakan bahawa beliau kekurangan dari segi mengutarakan idea asli. Kebanyakan idea beliau dalam kesusasteraan dan falsafah politik dipinjamkan daripada para penulis Barat. Dalam kesusasteraan beliau nampaknya amat terpengaruh dengan Samuel Smiles, di mana ideanya dalam buku *Self Help* diterima oleh sepenuhnya, dan dalam falsafah politik John Stuart Mill amat mempengaruhi dirinya. Idea Syed mengenai Kerajaan Berperwakilan dan Individualisme kebanyakannya berdasarkan kepada falsafah politik Mill.¹⁶⁰

Tulisan pertama beliau berjudul *Jam-i-Jam*, merupakan penerangan ringkas keluarga diraja empayar Mughal, terbit pada 1840M. Keseluruhannya beliau telah menghasilkan sebanyak 37 judul, masing-masing 21 judul dalam bidang keagamaan, enam judul dalam bidang sejarah dan 10 judul dalam bidang pelbagai.¹⁶¹ Sebelum beliau jatuh sakit yang membawa kepada akhir hayatnya, beliau sedang menulis untuk menangkis serangan pihak Kristian yang menyebarkan

¹⁵⁹ "Sayyid Sir Syed Ahmad Khan (1817-1898/1232-1316)", *op. cit.*, 1 Jun 2001.

¹⁶⁰ Shan Muhammad (1969), *op. cit.*, h. 257.

¹⁶¹ J.M.S. Baljon Jr., D.D. (1964), *op. cit.*, hh. 157-159.

risalah memburukkan-burukkan peribadi Nabi Muhammad s.a.w.¹⁶² Seorang sarjana dan pengkritik, Dr Farman Fatehpuri, mengatakan walaupun tidak berapa mahir dalam bahasa Inggeris, beliau mengusahakan artikelnya diterbitkan dalam jurnal terkenal dan surat khabar termasuk "*Pioneer*" dan "*Statesman*", dengan bantuan anaknya dan orang lain yang menterjemahkan karya Urdu nya ke bahasa Inggeris.¹⁶³

Apabila beliau meninggal dunia pada 27 Mac 1898M, beliau ditangisi ribuan manusia. Beliau telah memberikan sumbangan bererti terhadap masyarakat Islam pada ketika mereka tiada pimpinan selepas kejatuhan empayar Mughal di benua kecil India. Beliau disifatkan sebagai pendidik, pemedato, pemimpin masyarakat, pemimpin politik, mujaddid, pemikir agama, jurnalis,¹⁶⁴ pengarang, pakar undang-undang (*jurist*),¹⁶⁵ dan salah seorang tokoh ternama dalam sejarah moden India.

*Who dares call you dead? Verily!
You are the most alive of all the living
For, are not your virtues immortal and
Your achievements eternal?*¹⁶⁶

¹⁶² Shan Muhammad (1969), *op. cit.*, h. 259.

¹⁶³ Dawn the Internet, "Karachi: Tribute Paid to Sir Syed Ahmad Khan", <http://www.dawn.com/2002/10/19/local13.htm>, 9 Januari 2003.

¹⁶⁴ "Sir Syed Ahmad Khan", *op. cit.*, 15 Julai 2002.

¹⁶⁵ "Sir Syed Ahmad Khan", <http://www.brain.net.pk/~wisetech/50/bio/syed.htm>, 11 April 2002.

¹⁶⁶ Shan Muhammad (1969), *op. cit.*, h. 260.

3.1.4 Sikap Dan Prinsip Hidup

Sir Syed adalah seorang yang berfikiran positif dan berperibadi mulia dibuktikan dengan kesediaan beliau menaiki pentas dan menghulurkan tangan untuk berjabat tangan dengan Hume, selepas beliau memberi keterangan di hadapan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Tapi Hume ragu-ragu dan tidak menyambut huluran tangan Syed. Beliau kemudian memberi ulasan bahawa perbezaan pandangan mengenai perkara awam tidak seharusnya dibenarkan mempengaruhi hubungan persahabatan. Ini menunjukkan perwatakan mulia, toleransi dan setia kawan terhadap seseorang yang dia berbeza pandangan dengannya.¹⁶⁷

Beliau juga seorang yang sabar, konsisten dan berkeyakinan tinggi terhadap apa yang telah beliau fikir dan putuskan sebagai perkara baik dan memberi faedah. Contohnya bagaimana idea untuk menubuhkan *The Mohammedan Anglo-Oriental College*, tercetus pada 1869M dan enam tahun kemudian baru ia dapat ditubuhkan. Hanya pada 1920M, ia berdiri sebagai *Aligarh Muslim University*,¹⁶⁸ yang mengeluarkan graduan dalam pelbagai lapangan dan kepakaran. Ini merupakan tuaian hasil daripada pandangan jauh beliau, yang berusaha mengatasi segala halangan dan rintangan yang dihadapinya.

¹⁶⁷ *Ibid.*, h. 258.

¹⁶⁸ The Milli Gazette, "The Grand Old Man of Aligarh", *op. cit.*, 10 Januari 2003.

Begitu juga beliau seorang personaliti berhemah tinggi walaupun berhadapan dengan kekecewaan dan halangan yang besar, beliau terus berjuang dengan bersemangat dan keyakinan diri yang sentiasa segar.¹⁶⁹ Walaupun beliau tidak bersekolah secara tetap, tetapi kebolehannya yang versatil dan pembelajarannya dalam urusan politik yang meyakinkan memberi imbuhan atas kekurangan beliau dalam kerjaya akademik. Kesederhanaan, ketelusan, kejelasan tujuan, minda berbudaya, imaginasi, bersemangat, tarikan peribadi – semua kualiti ini beliau miliki dan digunakan untuk tujuan yang baik.¹⁷⁰ Theodore Morrison, mengatakan bahawa beliau tidak pernah berjumpa dengan seseorang yang sungguh agung seperti Syed.¹⁷¹ Surendranath Banerjea yang mengelilingi India pada 1878M, menyatakan bahawa orang yang terkenal yang beliau pernah temui tidak ragu lagi ialah Syed Sir Syed Ahmad Khan. Beliau menasihatkan orang Hindu dan Islam, supaya jangan lupa yang mereka masih berhutang penghargaan dan ingatan kehormat ke atas Syed. Beliau terus mempercayai bahawa Kolej *M.A.O.* meninggalkan semangat patriotisme dan persaudaraan antara orang Hindu dan Islam.¹⁷²

Syed juga seorang yang kelakar dan gemar berjenaka. Setelah kematian isteri iaitu, Parsa Begum pada 1861M di Moradabad,¹⁷³ dengan meninggalkan dua orang anak iaitu, Syed Hamid dan Syed Mahmud, masing-masing berumur 12 dan

¹⁶⁹ C.F. Andrews and G. Mookerjee, *The Rise and Growth of Congress in India* (t.t), dalam Shan Muhammad (1969), *op. cit.*, h. 255.

¹⁷⁰ *Ibid.*

¹⁷¹ *Ibid.*

¹⁷² *Ibid.*

¹⁷³ "Geneology Sir Syed Ahmad Khan", *op. cit.*, 25 Januari 2003.

11 tahun, beliau tidak berkahwin lagi. Beliau lebih banyak menumpukan kepada pendidikan anak-anaknya dan perjuangan terhadap bangsanya. Beliau pernah berseloroh “beliau akan kahwin lagi!”, di hadapan sekumpulan rakan-rakannya. Mukanya pada masa itu berseri-seri. Dan menambah, “bakal isteri saya itu mestilah seorang Inggeris, bagi membolehkan saya bebas bergaul dengan masyarakat Inggeris, dan dia mestilah berumur lapan puluh tahun, dan telah kehilangan semua giginya!”. Orang-orang di sekeliling beliau ketawa dan bersorak, melihat ini beliau sendiri ikut ketawa.¹⁷⁴

3.2 LATAR BELAKANG MAHATMA GANDHI¹⁷⁵

3.2.1 Kelahiran dan Pendidikan

Mohandas Karamchand Gandhi, Bapa kemerdekaan India,¹⁷⁶ telah dilahirkan pada 2 Oktober 1896M, di Porbandar, sebuah pekan kecil di Gujarat yang terletak di sebelah Pantai Barat India, yang mana pada masa itu merupakan negeri-negeri kecil di Kathiawad. Beliau dilahirkan daripada keluarga kelas

¹⁷⁴ G.F.I Graham (1974), *op. cit.*, h. 382.

¹⁷⁵ Mahatma bererti “Roh Agung”. Gelaran ini digunakan oleh Tagore dalam sepucuk surat kepada Gandhi pada 1915M. Ia menjadi perdebatan buat beberapa tahun sehingga ia hilang kehangatannya. Gandhi sendiri dikatakan tidak menyukai panggilan ini. Lihat Sir Penderel Moon (1968), *Gandhi and Modern India*. London: The English Universities Press Ltd., h. 95.

¹⁷⁶ Gandhi sering dirujuk sebagai “Father of the Nation”. Lihat Itihaas, “Profile – Mahatma Gandhi (1869-1948)”, *op. cit.*, 24 Januari 2003. .

pertengahan kasta *Bania*.¹⁷⁷ Datuknya menjadi *Diwan* atau Perdana Menteri Porbandar dan kemudian digantikan oleh anaknya Karamchand, bapa kepada Gandhi. Putlibai, ibu Gandhi adalah seorang yang taat beragama dan meninggalkan kesan mendalam terhadap Gandhi.¹⁷⁸

Gandhi mula bersekolah rendah di Porbandar, pada permulaan belajar, beliau mendapati agak sukar baginya untuk mengingati sifir kira-kira. Pada usia tujuh tahun ayahnya berpindah menjadi diwan di Rajkot. Begitu juga, Gandhi menyambung persekolahannya di Rajkot hingga peringkat menengah. Beliau menyifatkan dirinya sebagai amat pemalu dan mengelak berteman dengan rakan-rakan sebaya, dan sebaik sekolah usai, beliau bergegas pulang kerana khuatir akan bertembung dengan rakan-rakan, malahan takut jika rakan-rakan mengusik dirinya.¹⁷⁹

Semasa di sekolah Menengah, beliau dikahwinkan dengan Kasturbai yang sebaya umur dengannya iaitu tiga belas tahun. Sebagai seorang budak yang masih mentah, perkahwinan hanya membawa erti beliau akan ada pakaian baru untuk dipakai, paluan kompong, perarakan, jamuan makan malam yang lazat dan seorang kawan yang tidak dikenali untuk bermain.¹⁸⁰

¹⁷⁷ Mengikut Gandhi sendiri kasta ini pada mulanya adalah pedagang rempah atau peruncit. Lihat M.K. Gandhi (1927), *An autobiography or The Story of My Experiments With Truth*. Mahadev Desai (terj.), c.10. Ahmedabad-14: Navajivan Publishing House, h. 1.

¹⁷⁸ *Ibid.*, h. 2. Seperti dikatakan oleh Gandhi: "Kesan ibuku tersemat dalam ingatan ialah mengenai kesucian beliau. Beliau sangat saleh, dan tidak ingat makan sebelum menjalankan puja sehari-hari. Bagi beliau mengunjungi *Haveli*-kuil *Vaisnava*, merupakan salah satu tugasnya setiap hari.

¹⁷⁹ *Ibid.*, h. 3.

¹⁸⁰ *Ibid.*, h. 6.

Masa muda adalah masa pancaroba, masa berbuat sesuatu untuk memuaskan naluri ingin tahu dan seronok. Begitulah juga masa muda Gandhi tidak terlepas daripada mendekati ateisme, mencuri, menghisap rokok dalam semak, dan memakan daging, yang membuatkan keluarganya yang kuat berpegang kepada ajaran *Vaishnavite* merasa sedih. Perkara ini dianggap lumrah bagi seorang remaja yang ingin mengalami sesuatu di luar kebiasaan, dan mencabar pantang larang sebelum menjadi seorang insan dewasa yang matang. Tetapi beliau seorang yang istimewa yang setia kepada sumpah tidak akan berbuat demikian selepas itu. Beliau mengambil teladan daripada sesetengah daripada wira mitos Hindu seperti Prahlada dan Harishcandra yang terkenal kerana kejujuran dan pengorbanan mereka.¹⁸¹

Pada 1887M, sebaik sahaja beliau lulus peperiksaan matrikulasi, beliau memasuki kolej Samaldas di Bhavnagar, Ahmedabad. Pada penghujung penggal pertama beliau pulang ke rumahnya kerana beliau tidak dapat mengikuti pelajaran yang disampaikan oleh para profesor kolej berkenaan, dan menjadikan minatnya hilang. Beliau nyatakan puncanya terletak kepada diri beliau sendiri yang masih mentah.¹⁸² Dalam keadaan tidak menentu ini, keluarga beliau didatangi oleh seorang kawan lama dan bekas penasihat keluarganya bernama Mavji Dave. Setelah bersembang mengenai perkara rutin, beliau bertanya tentang pengajian Gandhi. Setelah mengetahui Gandhi belajar di Kolej, beliau menyarankan kepada ibunya supaya Gandhi dihantar belajar ke England, ini bagi membolehkan Gandhi meneruskan kerjaya bapanya sebagai *Diwan*. Anaknyanya Kevalram juga sedang

¹⁸¹ Lorna Wredford, "Mahatma: Man of the Ages, man of the Times",
<http://www.geocities.com/CapitolHill/Lobby/8522/gtxt04.html>, 24 Januari 2003.

¹⁸² M.K. Gandhi (1927), *op. cit.*, hh. 25-26.

belajar di England, dan memberitahu sangat mudah untuk menjadi seorang peguam. Cadangan itu menggembirakan Gandhi, malahan beliau menyatakan “sebaiknya selekas mungkin saya dihantar ke sana”,.... dan “Tidakkah lebih elok jika saya dibenarkan mempelajari ilmu perubatan?”. Mendengar itu Abangnya terus mencelah dengan mengatakan bahawa, “Ayah tidak menyukai hal itu. Engkaulah yang dimaksudkan oleh beliau ketika beliau mengatakan bahawa penganut *Vaishnava* hendaknya tidak ada hubungan dengan pembedahan tubuh-tubuh mati. Ayah menghendaki agar engkau menjadi peguam”.¹⁸³ Ibu beliau masih ragu-ragu dengan cadangan Mavji Dave, dan mula membuat risikan di sana sini yang kesemuanya memberi kesan tidak menyokong kepergian Gandhi ke England. Bapa saudara beliau di Porbandar juga tidak berapa menyokong, tetapi dengan sopan menyatakan beliau hanya bersetuju jika ibu Gandhi sendiri bersetuju. Ibunya juga pergi mendapatkan nasihat Becharji Swami seorang sami Jain, yang dulunya juga seorang penasihat keluarga beliau. Beliau simpati dengan hasrat Gandhi dan berkata: “*I shall get the boy solemnly to take the three vows, and then he can be allowed to go*”. Beliau melakukan angkat sumpah dan Gandhi berjanji untuk tidak menyentuh minuman keras, perempuan dan daging. Setelah ini dilakukan, barulah ibu Gandhi memberi kebenaran.¹⁸⁴ Pada fikiran Gandhi England sebagai “sebuah negara ahli falsafah dan para pemuisi, yakni pusat peradaban”.¹⁸⁵

Setelah mendapat cukup wang yang diusahakan oleh abangnya, Gandhi bersiap untuk ke England. Dengan kebenaran dan doa restu ibunya Gandhi

¹⁸³ *Ibid.*, h. 26.

¹⁸⁴ *Ibid.*, h. 28.

¹⁸⁵ Lorna Wredford, *op. cit.*, 24 Januari 2003.

meninggalkan Rajkot menuju Bombay ditemani abangnya, setiba mereka di Bombay, abangnya mendapat maklumat lautan India pada bulan Jun dan Julai bergelora dan memandangkan ini pelayaran pertamanya, beliau hanya dibenarkan berlayar pada bulan November. Dalam tempoh ini, masyarakat kasta *Bania*, setelah mendengar Gandhi akan berangkat ke England memanggil mesyuarat umum kasta dan memanggil Gandhi supaya hadir yang mana beliau akur. Penghulu masyarakat yang dipanggil *Sheth* telah mengatakan kepada beliau: “Mengikut pandangan kasta, cadangan engkau untuk pergi ke England tidak sesuai. Agama kita melarang pelayaran ke England. Kita juga mendengar, tidak mungkin orang boleh bertahan hidup di sana tanpa membelakangkan agama sendiri. Seseorang akan terpaksa makan dan minum bersama orang-orang Eropah.”¹⁸⁶

Gandhi memberitahu mereka bahawa beliau tidak fikir sama sekali ia bertentangan dengan ajaran agama untuk pergi ke England. Beliau pergi ke sana bermaksud menyambungkan pelajaran. Dan beliau telah berikrar kepada ibunya untuk menjauhkan diri daripada tiga perkara yang mereka amat takut. Beliau yakin ikrarnya akan menjadikannya selamat. Walaupun telah dijelaskan oleh Gandhi semua kemusykilan, *Sheth* bertegas supaya Gandhi kembali kepada masyarakatnya, yang mana Gandhi yang sudah bertekad dan tidak akan berganjak lagi daripada pendiriannya untuk ke England. *Sheth* kemudian mengisytiharkan Gandhi sebagai terkeluar daripada kasta mulai hari itu. Dan sesiapa yang membantu atau menghantar beliau di pelabuhan akan dihukum dengan membayar denda sebanyak

¹⁸⁶ M.K. Gandhi (1927), *op. cit*, h. 29.

satu rupee dan empat anna.¹⁸⁷ Setelah mengatasi liku-liku yang tidak disangka, Gandhi akhirnya berlepas dari Bombay ke England pada 4 September 1888M.¹⁸⁸

Setelah sepuluh hari tiba di London, Gandhi mendaftarkan diri di *Inner Temple, College of London* dan memanfaatkan masa hampir tiga tahun belajar Undang-undang dan lain-lain ilmu, termasuk mempelajari bahasa Inggeris, Perancis dan Latin. Pada peringkat permulaan di London beliau menghadapi beberapa masalah termasuk mendapatkan restoran makanan sayuran, tempat tinggal dan penjimatan kos. Kepatuhan beliau terhadap sumpah yang telah diikrarkan di hadapan ibunya dipegang kejam, walaupun kawan sebilangannya memujuk supaya beliau abaikan sumpah itu demi *survival* di negeri orang.

Semua masalah itu dapat diatasi dengan kesabaran, kegigihan dan pengaturan waktu yang baik serta belajar bersungguh-sungguh. Sifat pemalu beliau terbawa hingga ke England. Walaupun beliau terlibat aktif sebagai ahli jawatankuasa *Vegetarian Society of London*, sifat pemalu beliau susah dihapus, terutama apabila berada dalam kumpulan. Mengikut pengakuan beliau dalam buku autobiografinya,¹⁸⁹ susah baginya untuk berucap di khalayak, walaupun teks ucapan telah disediakan terlebih dahulu. Tabiat ini melekat pada dirinya, hanya

¹⁸⁷ *Ibid.*, hh. 29-30.

¹⁸⁸ *Ibid.* h. 30.

¹⁸⁹ *Ibid.*, hh. 44-45. Dalam autobiografinya beliau menulis satu bab berjudul, *Shyness My Shield*, dan mengatakan “*This shyness I retained throughout my stay in England. Even when I paid a social call the presence of half a dozen or more people would strike me dumb*”.

berkurangan semasa berada di Afrika Selatan, tetapi beliau tidak boleh menghapuskannya sama sekali.¹⁹⁰

Semasa di London juga, Gandhi mengambil kesempatan melengkapkan diri dengan ilmu bantu seperti menguasai bahasa Latin dan bahasa Perancis dengan mendaftarkan diri di kelas matrikulasi swasta. Pada masa beliau mendaftar, beliau ada lebih kurang lima bulan sahaja daripada tarikh peperiksaan. Ini menyebabkan beliau mengatur jadual waktunya dari minit; walaupun kecerdikan dan ingatannya tidak menjanjikan yang beliau boleh lulus kedua-dua subjek tersebut. Walaupun gagal pada percubaan pertama, beliau berazam untuk mencuba kali kedua. Dalam persiapan ini beliau mengubah stail hidupnya dengan berjimat dalam perbelanjaan dan mengurangkan kos. Sebelumnya beliau menyewa dua bilik, kini beliau menyewa satu bilik sahaja dan menyediakan sarapannya sendiri. Makan tengah hari di luar, manakala makan malam hanya dengan roti dan *cocoa* di rumah. Dengan pengaturan ini beliau ada banyak masa untuk ditumpukan kepada pelajaran, dan beliau lulus peperiksaan.¹⁹¹ Beliau juga mendapatkan bilik sewa yang berdekatan dengan tempat pengajian yang tidak memerlukan pengangkutan. Beliau berjalan kaki ke kuliah, di samping mengurangkan ongkos juga menyihatkan badan. Beliau akui jarang ditimpa sakit semasa di London.

Sebagai seorang yang sudah berkeluarga, beliau setia, walaupun ramai pelajar di London ketika itu mungkin sudah berkeluarga tetapi mengaku masih

¹⁹⁰ *Ibid.*, h. 46.

¹⁹¹ *Ibid.*, h. 40.

bujang. Keadaan ini juga berlaku terhadap Gandhi yang kebetulan mengenali seorang wanita berumur, di sebuah hotel, di mana wanita itu membantu Gandhi mengenali menu sayuran yang tertulis dalam bahasa Perancis. Wanita baik hati itu, sering mengundang Gandhi ke rumahnya, di London, pada hujung minggu untuk makan malam. Beliau juga diperkenalkan dengan seorang gadis yang tinggal bersama wanita itu, dan sering dibiarkan berdua-duaan. Sebagai seorang pemalu, Gandhi tidak tahu bagaimana memulakan perbualan apatah lagi mencipta jenaka. Gadis itu, memulakan bicara. Beliau mempelajari sesuatu yang baru, dan lama kelamaan, beliau mulai seronok dan menunggu peluang di hujung minggu untuk bertandang ke rumah wanita itu. Wanita berumur itu juga, mungkin mempunyai maksud tersirat atas kekerapan pertemuan mereka berdua. Gandhi tentunya sedar bahawa beliau tidak boleh berada pada zon selesa dan seronok seperti itu, kerana beliau seorang suami dan bapa kepada seorang anak. Setelah berfikir panjang, beliau memutuskan untuk mengutus surat menerangkan kedudukan beliau yang sebenar, daripada membiarkan perkara itu berlarutan dan boleh menimbulkan akibat tidak baik. Suratnya berbunyi begini:

*"Ever since we met at Brighton you have been kind to me. You have taken care of me even as a mother to her son. You also think that I should get married and with that view you have been introducing me to young ladies. Rather than to allow matters to go further, I must confess to you that I have been unworthy of your affection. I should have told you when I began my visits to you that I was married....I am pained that I should have kept this knowledge from you so long. But I am glad God has now given me the courage to speak out the truth. Will you forgive me?...."*¹⁹²

¹⁹² *Ibid.*, hh.48-49. Gandhi tidak lama selepas itu menerima jawapan. Dinyatakan antara lain wanita dan gadis itu ketawa membaca suratnya yang menyatakan telah berkahwin semasa masih kanak-kanak dan menjemput beliau pada minggu berikutnya untuk mendengar cerita lebih lanjut. Dinyatakan juga bahawa persahabatan mereka tetap tidak terjejas dengan insiden berkenaan.

Setelah lulus peperiksaan akhir Undang-undang, beliau telah ditauliahkan sebagai seorang peguam pada 10 Jun 1891M, dan berdaftar di Mahkamah Tinggi London pada 11 Jun 1891M. Pada 12 Jun berlayar pulang ke India. Beliau mengatakan, sekalipun beliau telah berjaya dalam pengajian, ia tidak mengakhiri rasa tidak bermaya dan takut. "Saya tidak merasa diri berkelayakan untuk menjadi pengamal Undang-undang".¹⁹³

3.2.2 Perubahan Hidup dan Kerjaya

Sebelum berangkat pulang ke India, Gandhi menyatakan dalam autobiografinya beliau masih bertarung dengan keyakinan diri sama ada terdapat kemampuan bagi beliau untuk membina kerjaya dalam bidang perundangan atas alasan yang dinyatakan terdahulu. Bagi mendapat pandangan lain selain dirinya, beliau menemui Mr Frederick Pincutt, seorang konservatif yang mempunyai hubungan rapat dengan pelajar India di London. Setelah Gandhi memberitahu masalah yang dihadapi dan tentang stok bacaannya, Mr Frederick agak terkilan dan berpendapat bacaan umumnya agak lemah dan beliau menyarankan Gandhi memperluaskan horizon pembacaannya dengan menamakan beberapa buah buku termasuk buku mengenai pemberontakan 1857M yang ditulis oleh Kaye dan Malleson. Gandhi sendiri mengakui bahawa beliau tidak mempelajari undang-undang India, tiada idea tentang undang-undang Hindu dan Islam. Beliau juga lemah tentang sejarah India, walaupun tiada hubungan dengan pengajian Undang-

¹⁹³ *Ibid.*, h. 60.

undang tetapi mengikut pandangan Mr Frederick Gandhi patut mengetahuinya.¹⁹⁴ Dalam keadaan inilah beliau mendarat di Bombay, disambut oleh abangnya dan diberitahu bahawa ibunya telah meninggal dunia. Berita itu dirahsiakan daripada pengetahuannya supaya beliau tidak ditimpa kedukaan di negeri orang.

Gandhi membuka firma guamannya di Bombay. Bagi menampung perbelanjaan beliau memohon untuk menjadi guru sambil mengajar bahasa Inggeris di sebuah sekolah menengah di sana. Permohonan beliau ditolak, kerana pihak sekolah berkehendakkan guru siswazah dalam bidang berkenaan. Selepas enam bulan, keadaan tetap sukar di Bombay, memaksa beliau menutup firma guamannya dan berpindah ke Rajkot. Di sini pun, setelah beberapa lama beliau tidak merasa selesa kerana permainan politik yang kuat di kalangan penguasa daerah dan negeri-negeri kecil, dan beliau dimalukan oleh seorang pegawai British yang beliau kenal semasa di England, yang menghalau beliau dari pejabatnya kerana ingin menjelaskan kedudukan sebenar mengenai abangnya. "Tidak lagi saya akan meletakkan diri saya pada kedudukan palsu, tidak lagi saya akan cuba mengeksploitasi persahabatan dengan cara ini." Insiden ini dianggap oleh Gandhi sebagai suatu kejutan yang mengubah jalan hidupnya.¹⁹⁵

Dalam keadaan ini beliau menerima tawaran daripada sebuah firma besar India di Afrika Selatan, yang terlibat dengan banyak kes besar di mahkamah dengan tuntutan berjumlah £40,000. Dalam pertemuan dengan Sheth Abdul Karim

¹⁹⁴ *Ibid.*, hh. 61-62.

¹⁹⁵ *Ibid.*, h. 72.

Jhaveri, rakan kongsi syarikat Dada Abdullah & Co., beliau dibayangkan untuk dilantik sebagai penasihat undang-undang syarikat, selama setahun, dengan bayaran sebanyak £105, dan disediakan tiket pelayaran pergi balik kelas pertama. Oleh kerana beliau merasa ingin meninggalkan India, rasa ingin melihat negeri orang, mencari pengalaman baru, dan dengan bayaran itu beliau dapat membantu abangnya memenuhi keperluan isi rumah, beliau bersetuju dengan tawaran tersebut.¹⁹⁶

Pada 1893M, beliau berangkat ke Afrika Selatan dengan perasaan lega. Namun, negara yang berada di bawah penjajahan British ini, begitu kuat dengan dasar diskriminasi kaum, antara kulit putih dan kulit berwarna. Dasar ini diamalkan secara meluas, hatta dalam kereta api juga. Dalam perjalanan ke Pretoria, untuk membantu peguam di sana menyediakan kes mahkamah, Gandhi dibekalkan dengan tiket kelas satu. Apabila tiba di stesen Pietermaritzburg, pusat bandar Natal lebih kurang jam 9.00 malam, seorang penumpang membantah kerana beliau berada pada kelas pertama. Pegawai kereta api datang, Gandhi menunjukkan tiket kelas pertamanya, tetapi mereka berkata beliau mesti berpindah ke gerobak van. Apabila ia enggan, konstabel polis dipanggil dan Gandhi bersama beg pakaiannya ditarik keluar ke platform. Kerana keengganannya ke gerobak van, kereta api berlalu meninggalkannya. Beliau beredar ke bilik menunggu. Keadaan amat sejuk dan tanpa cahaya lampu. Dalam kesejukan dan kegelapan, beliau berbahas dengan diri sendiri, sama ada beliau harus membatalkan perjanjian dengan Dada Abdulla & Co., dan pulang ke India, daripada terus menerima malu yang beliau tidak jangka

¹⁹⁶ *Ibid.*, h. 74.

sama sekali. Selepas seketika, beliau memutuskan untuk tidak menjadi pengecut dengan pulang ke India, tetapi terus berada di Afrika Selatan dan menghadapi apa sahaja penghinaan, jika mungkin, akan bersama berjuang membela nasib masyarakat India di Afrika Selatan.¹⁹⁷ Peristiwa ini mencorakkan perjuangan baru dalam hidupnya.

3.2.3 Perjuangan dan Karya

Peristiwa di stesen kereta api Pietermaritzburg dalam perjalanan menuju Pretoria itu, menyaksikan Gandhi menghabiskan masa selama 21 tahun di Afrika Selatan, berjuang menentang ketidakadilan dan penindasan terhadap golongan kulit berwarna.

Dalam tempoh seminggu beliau tiba di Pretoria, Gandhi memanggil semua orang India di bandar menghadiri satu mesyuarat. Beliau ingin menyampaikan kepada mereka gambaran tentang keadaan mereka. Beliau masa itu berumur 24 tahun. Ini adalah pengucapan awam pertama baginya. Hadirin terdiri daripada saudagar Islam dan Hindu. Dalam mesyuarat itu, Gandhi menekankan supaya para pedagang berlaku jujur dalam amalan perniagaan mereka, tidak membezakan antara kaum seperti Hindu, Islam, Parsi, Kristian dan lain-lain. Beliau juga menekankan supaya mereka mempelajari dan menguasai bahasa Inggeris dan beliau bersedia menjadi guru mereka. Mesyuarat mendapat sambutan baik dan disarankan supaya

¹⁹⁷ Sir Penderel Moon (1968), *op. cit.*, hh. 17-18.

diadakan secara tetap, seperti sebulan sekali.¹⁹⁸ Pada 1894M, Gandhi menubuhkan *Natal Indian Congress*, berdasarkan model *Indian National Congress*, di India dan menjadi setiausahanya.¹⁹⁹

Untuk meneruskan kerjaya sebagai peguam, Gandhi memohon sebagai peguam cara Mahkamah Agung Natal. Persatuan Undang-undang Natal membantah atas satu alasan, bahawa undang-undang tidak memperuntukkan, seorang peguam kulit berwarna di terima. Bagaimanapun, Mahkamah Senior mengatasi bantangan Persatuan Undang-undang Natal, dan meluluskan permohonan beliau. Surat khabar Afrika Selatan mencemuh Persatuan Undang-undang dan sebahagian daripada mereka mengucap tahniah kepada beliau.²⁰⁰

Di samping menjalani tugas sebagai Peguam, beliau aktif membuat kerja sosial dan membela nasib masyarakat India yang ditindas oleh pemerintah kulit putih. Antara isu yang diperjuangkan oleh Gandhi termasuk percubaan kerajaan Natal untuk memperkenalkan rang undang-undang untuk menyekat hak orang India memilih ahli ke dewan undangan. Bagi isu ini beliau menangguhkan kepulangannya ke India setelah berada 12 bulan, dan tinggal sebulan lagi memperjuangkannya. Beliau juga memperjuangkan isu cukai kepala yang dikenakan ke atas orang India sebanyak £3, ini bersamaan dengan enam bulan gaji

¹⁹⁸ Louis Fischer (ed.) (1962), *op. cit.*, h. 37.

¹⁹⁹ Lorna Wredford, *op. cit.*, 24 Januari 2003.

²⁰⁰ Louis Fischer (1962), *op. cit.*, hh. 38-39.

mereka sebagai buruh kasar. Bagaimanapun kedua-dua isu ini selesai dua puluh tahun kemudian.²⁰¹

Selama tiga tahun di Afrika, Gandhi menjadi seorang peguam yang berjaya dan tokoh politik India yang cemerlang. Beliau dikenali meluas sebagai pejuang kaum buruh India yang terikat perjanjian dengan tuan mereka. Beliau menghadiri persidangan, menyediakan draf memorandum kepada kerajaan dan menteri, menulis surat kepada surat khabar, mengedarkan petisyen (termasuk yang ditandatangani oleh sepuluh ribu orang India), dan banyak membuat kawan di kalangan orang putih, orang India dan orang Negro. Beliau telah mengeluarkan dua risalah: *An Appeal to Every Briton in South Africa* dan *The Indian Franchise, An Appeal*.²⁰² Gandhi juga memulakan *Tolstoy Farm*²⁰³, menubuhkan *Phoenix Settlement*²⁰⁴, dan mengedit surat khabar yang dinamakan *Indian Opinion*. Dalam penganjuran protes terhadap pihak berkuasa, Gandhi mula bereksperimen dengan metode penentangan tanpa keganasan (*Satyagraha*),²⁰⁵ menganjurkan

²⁰¹ *Ibid.*, hh. 42-44.

²⁰² *Ibid.*, h. 44.

²⁰³ Gandhi menubuhkan "*Tolstoy Farm*" (sempena nama penulis Russia: Leo Tolstoy yang memberi inspirasi kepada beliau), pada 1910M dekat Durban. Ladang ini merupakan Koloni koperasi bagi masyarakat India bagi menampung kehidupan kerana kebanyakan ketua rumah tangga dipenjarakan. Mereka ini terlibat dalam gerakan *Satyagraha* yang dianjurkan oleh Gandhi. Lihat "Mahatma Gandhi", <http://www.cncw.com/india/gandhi.htm>, 13 Februari 2003. dan Lorna Wredford, *op. cit.*, 24 Januari 2003.

²⁰⁴ Kawasan penempatan Phoenix di Durban seluas 100 ekar, dengan harga £1,000, dibayar hasil sumbangan orang ramai. Ia penempatan bagi masyarakat India dengan masing-masing keluarga mendapat tiga ekar plot. Di sini juga di tempatkan penerbitan *Indian Opinion*, di mana bagi mengurangkan kos penerbitan para peneroka dikehendaki menyumbang tenaga bagi menjayakannya. Sir Penderel Moon (1968), *op. cit.*, h. 36.

²⁰⁵ Daripada perkataan Sanskrit yang bererti "kebenaran" dan "keteguhan". Lihat "Mahatma Gandhi", *op. cit.*, 13 Februari 2003.

ketidapatuhan awam (*civil disobedience*)²⁰⁶ dan mogok. Gandhi ditahan beberapa kali, tetapi tindakannya menyebabkan berlaku perubahan yang dibuat terhadap pemerintah Afrika Selatan.²⁰⁷ Pada masa peperangan Boer 1899-1902M, Gandhi menyelaras pasukan ambulans untuk tentera British dan mengetuai unit Palang Merah.²⁰⁸ Begitu juga semasa Pemberontakan Zulu, Gandhi membantu dalam kerja kemanusiaan, dan atas jasa beliau pihak berkuasa British telah dianugerahkan pingat kebaktian kepada beliau.

Dalam bukunya *Satyagraha in South Africa* beliau telah memperincikan perjuangan orang India dalam menuntut hak mereka, dan penentangan mereka terhadap undang-undang yang bersifat penindasan dan tindakan eksekutif seperti pelaksanaan cukai kepala ke atas mereka. Begitu juga pengisytiharan kerajaan iaitu semua perkahwinan bukan Kristian dianggap tidak sah. Pada November 1909M, dalam perjalanan balik ke Afrika Selatan dari London, Gandhi menulis sebuah risalah mengenai pemerintahan sendiri India, berjudul *Hind Swaraj* atau *Indian Home Rule*.²⁰⁹

²⁰⁶ *Ibid.* Gandhi terhutang budi kepada Henry David Thoreau penulis esei terkenal "*Civil Disobedience*" yang mempengaruhi beliau.

²⁰⁷ Itihaas, "Profile – Mahatma Gandhi" (1869-1948), *op. cit.*, 24 Januari 2003.

²⁰⁸ "Mahatma Gandhi", *op. cit.*, 13 Februari 2003.

²⁰⁹ Sir Penderel Moon (1968), *op. cit.*, h. 52. "*Swaraj for him connoted self government not merely in the political sense, but in the moral sense of individual and national self-control, and he used the term indiscriminately in these two distinct senses. Politically, Swaraj was for him a sort of 'homespun' self-government, based on Panchayats (a village council of five persons) and traditional Indian political forms. But the attainment of political Swaraj was itself but an aspect or necessary consequence of the moral reform of Indian society, including the removal of untouchables.* Lihat Sir Penderel Moon (1968), *op. cit.*, hh. 106-107.

Pada 1915M, Gandhi kembali ke India dan menjelajah banyak tempat. Beliau kemudian, menjadikan Sabarmati Ashram di Ahmedabad, sebagai pusat aktivitinya. Pada 1918M, mengetuai mogok pekerja kilang di Ahmedabad. Selepas berpuasa selama tiga hari pemilik kilang bersetuju membuat timbang tara atas tuntutan pekerja.²¹⁰ Pada tahun yang sama, menganjurkan mogok umum menentang *Rowlatt Bill*, yang memberi kuasa darurat kepada kerajaan untuk menangani penentangan massa. Satyagraha merebak dan disokong oleh jutaan penyokong. Apabila kerajaan British enggan meminda Rang Undang-undang Rowlatt tersebut, Gandhi mengisytiharkan kempen tersusun “Tidak Bekerjasama”²¹¹ (*non-cooperation*) Gandhi ditahan, tetapi dilepaskan atas tekanan massa.

Di samping memperkenalkan *Satyagraha*, Gandhi juga pakar mengenai simbolisme. Pada 1930M, tatkala Gerakan Ketidakpatuhan Awam (*Civil Disobedience Movement*) dilancarkan, Gandhi bertekad untuk melanggar Undang-undang Garam (*Salt Law*).²¹² Imej seorang yang kelihatan kurus, membawa segenggam garam. Membangkitkan penentangan massa terhadap pemerintah British, ini kerana isu garam menyentuh setiap orang India. Sama juga dengan

²¹⁰ Itihaas, “Chronology-Mahatma Gandhi (1869-1948)”, <http://www.itihaas.com/modern/gandhi-chrono.html>, 24 Januari 2003.

²¹¹ Di bawah kempen ini orang-orang India di pejabat awam berhenti, agensi kerajaan seperti mahkamah diboikot dan kanak-kanak India berhenti daripada sekolah kerajaan. Jalanraya di blok secara duduk oleh penunjuk perasaan yang enggan berganjak walaupun dipukul oleh polis. Lihat “Mahatma Gandhi Album”, <http://www.kamat.com/mmgandhi/gandhi.htm>, 16 April 2004.

²¹² Bersama 79 sukarelawan berjalan sejauh 385 Km. menuju laut di Dandi, sebagai bantahan terhadap pengenaan cukai garam oleh kerajaan. Ditahan dan dipenjarakan di Yeravada tanpa pembicaraan. Lihat Itihaas, “Chronology-Mahatma Gandhi (1869-1948)”, *op. cit.*, 24 Januari 2003.

populariti "*Charka*" atau roda pemintal adalah kerana kegunaannya yang praktikal memintal kapaskhadi dan sebagai simbol kebebasan ekonomi²¹³.

Pada 1932M, berpuasa "hingga mati" semasa dalam penjara, kerana membantah tindakan British untuk mengadakan kawasan pilihan raya berasingan kepada orang Islam dan orang tidak boleh disentuh (*Harijan* atau *Dalit*). Menamatkan puasa dengan kehadiran Rabindranath Tagore, selepas kerajaan British menerima Perjanjian Yervada. Memulakan penerbitan mingguan *Harijan* menggantikan *Young India* yang diterbitkan pada 1918M.²¹⁴

Setahun kemudian, Gandhi memulakan perjalanan ke seluruh India selama sepuluh bulan untuk mengakhiri perbezaan terhadap orang yang tidak boleh disentuh. Di bawah gerakan *Swaraj*, barang-barang British diboikot. Bagi membaiki keadaan ekonomi dan mengatasi kemiskinan, Gandhi menyeru dihidupkan kembali industri tenunan kapas di kampung-kampung, dan sebagai contoh, Gandhi menenun kainnya sendiri.

Pada 1940M, Gandhi menerbitkan sebuah buku kecil 25 halaman: "*Constructive Programmed: Its Meaning and Place*", sebuah penulisan yang dinamik yang meliputi aspek penting dalam kehidupan sosial dan ekonomi

²¹³ Itihaas, "Profile-Mahatma Gandhi (1869-1948)", *op. cit.*, 24 Januari 2003.

²¹⁴ Itihaas, "Chronology-Mahatma Gandhi (1869-1948)", *op. cit.*, 24 Januari 2003.

negara.²¹⁵ Dua tahun kemudian, *Indian National Congress*, meluluskan resolusi

'*Quit India*'²¹⁶, dengan ucapan Gandhi yang bersemangat:

*"I want freedom immediately, this very night, before dawn, if it can be had. Freedom cannot wait for the realisation of communal unity...Congress must win freedom or be wiped out in the effort. Here is a mantra, a short one, which I give you. You may imprint it in your heart and let every breath of yours give expression to it. The mantra is: 'Do or Die'. We shall either free India or die in the attempt; we shall not live to see the perpetuation of our slavery".*²¹⁷

Pada keesokan harinya Gandhi dan ahli-ahli *Congress* lainnya ditangkap, dan semua *The All-India Congress Committee* dan *Provincial Congress Committee* diharamkan oleh kerajaan. Sehari kemudian isterinya Kasturbai ditahan. Gandhi menghabiskan banyak masanya di penjara mengajar isterinya tentang geografi India dan lain-lain subjek. Beliau tidak mencapai banyak kejayaan dalam usahanya meningkatkan keupayaan isterinya dalam menulis dan membaca dalam Gujarati, kerana pada masa itu Kasturbai sudah berumur tujuh puluh empat tahun.²¹⁸

Di antara karya terbesar Gandhi ialah autobiografinya yang beliau namakan "*The Story of My Experiments With Truth*", yang beliau tulis sekitar 1920-an dalam bahasa ibundanya, Gujarati, di antara masuk dan keluar penjara. Beliau ada mengatakan bahawa beliau mungkin telah selesai menulis autobiografinya sekiranya beliau tidak dilepaskan setahun lebih awal, dari penjara Yeravda. Dalam

²¹⁵ "Gandhi's Life and His Work in Brief", http://www.mkgandhi.org/students/gandhi_s.htm, 11 April 2002.

²¹⁶ Resolusi ini di luluskan oleh *All India Congress Committee* di Bombay pada 7 Ogos 1942, ia mengisytiharkan perjuangan massa terhadap British tanpa kekerasan di bawah kepimpinan dan panduan Gandhi. Ia juga menyatakan untuk pertahanan India *provisional government of free India* akan bekerjasama dengan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Lihat Sir Penderel Moon (1968), *op. cit.*, h. 225.

²¹⁷ *Ibid.*, hh. 225-226.

²¹⁸ Louis Fischer (1962), *op. cit.*, h. 348.

menyiapkan tulisan itu, timbul juga keraguan dalam diri beliau yang dibentangkan oleh seorang kawan yang salih (*god-fearing*), dengan hujah, menulis autobiografi adalah amalan orang Barat. Begitu juga jika apa yang beliau pegang hari ini sebagai prinsip mungkin berubah esoknya, dan apa yang beliau tulis akan disalah tafsirkan oleh pihak tertentu. Walau bagaimanapun, Gandhi berpendapat, apa yang beliau ingin tulis ialah pengisahan beberapa percubaan beliau dengan kebenaran, kerana hidupnya tidak mengandungi yang lain kecuali percubaan tersebut.²¹⁹ Ternyata azam dan pandangan beliau itu benar. Autobiografi itu, merupakan khazanah paling berharga yang ditinggal beliau untuk tatapan generasi kemudian hari. Daripada sumber autobiografi itu juga ribuan buku, risalah, ulasan, tesis akademik, kertas seminar dan bahan terjemahan telah diterbitkan dalam berbagai bahasa dunia. Dengan peninggalan beliau itu, pemikiran Gandhi bersemarak di kalangan jutaan umat manusia.

Pada Disember 1943M, Kasturbai jatuh sakit. Kerajaan memberi izin anak dan cucunya menziarahinya. Beliau dikatakan merindukan anak sulungnya Harilal, yang telah menjauhkan diri daripada kedua orang tuanya. Pada 22 Februari 1944M, Kasturbai meninggal di riba Gandhi, di penjara yang sama. Pada upacara pembakaran, Gandhi membaca ayat-ayat suci yang dipinjam daripada Hindu, Parsi, Islam dan Kristian. Sementara anaknya Devadas menyalakan pembakaran.²²⁰ Pada 3 Mei 1944M, dokternya mengeluarkan kenyataan mengatakan bahawa penyakit anemianya makin teruk dan tekanan darahnya rendah, desakan supaya beliau

²¹⁹ M.K. Gandhi (1927), *op. cit.*, h. ix.

²²⁰ Louis Fischer (1962), *op. cit.*, h. 348.

dilepaskan meliputi seluruh India. Pada 6 Mei 1944M, Gandhi dan rakan-rakannya dilepaskan. Ini merupakan penjara terakhir bagi Gandhi, yang telah masuk keluar penjara selama 2,089 hari di India dan 249 hari di Afrika Selatan.²²¹

Pada peringkat ini, Gandhi telah menjadi simbol antarabangsa bagi kemerdekaan India. Beliau hidup secara spirituil dan persemadian, berpuasa dan meditasi. Beliau tidak lagi menggauli isterinya seperti suami isteri sejak melakukan ikrar *Brahmacharya*²²². Memakai kain putih kosong dan capal kelas bawah India. Memakan sayur-sayuran, jus buah-buahan dan susu kambing. Orang India mula menggelarnya Mahatma.

Pada hari-hari terakhir hidupnya, Gandhi banyak melakukan perjumpaan pemujaan dan doa, pada salah satu sesi ini beliau ditanya oleh pengikut dan kawannya,²²³ “Adakah apa-apa ancaman pada masa pemujaan hari ini, Bapu?”. Gandhi menjawab, “Tidak....Jika saya harus mati melalui peluru seorang gila, saya akan laluinya dengan senyuman. Tidak akan ada kemarahan dalam diri saya. Tuhan akan berada dalam hati saya dan pada bibir saya. Kamu hendaklah berjanji kepada saya satu perkara. Ditakdirkan perkara itu berlaku, janganlah saya ditangisi walaupun setitis air mata.”²²⁴

²²¹ *Ibid.*, h. 349.

²²² Amalan mendekatkan diri kepada Tuhan, justeru pengekangan diri, dan terutamanya pengekangan terhadap nafsu seks. Dengan persetujuan isterinya, Kasturbai, beliau memulakan ikrar ini di Phoenix pada 1906M. Lihat Sir Penderel Moon (1968), *op. cit.*, h. 37.

²²³ Bernama Rajkumari Amrit Kaur, yang kemudian menjadi Menteri Kesihatan pada masa India merdeka. Ini berlaku pada Januari 1948M, sebelum Gandhi mati ditembak. Lihat Louis Fischer (1962), *op. cit.*, h. 364.

²²⁴ *Ibid.*

Perjumpaan pemujaan hari itu, 25 Januari 1948M, dihadiri oleh lautan manusia yang luar biasa. Gandhi gembira, kerana telah diberitahu bahawa orang Hindu dan Islam di Delhi telah bersatu hati. Berada di barisan hadapan ketika itu ialah Naturam Vinayak Godse,²²⁵ tangannya sedang menggenggam pistol dalam poket seluarnya. Beliau memberi ucap selamat dan melakukan tunduk hormat. Pada masa membalas penghormatan Godse dan hadirin yang lain, Gandhi menyentuh telapak tangan mereka semua, memberi senyuman dan merestui mereka. Pada ketika itu Godse memetik picu pistol. Gandhi rebah, dan meninggal dalam sebutan, oh!, Tuhan.²²⁶

3.2.4 Sikap dan Prinsip Hidup

Daripada latar belakang hidup yang dipaparkan, dapat dikatakan bahawa Gandhi adalah seorang yang sederhana, pemalu dan tegas. Tidak mudah berganjak dengan sesuatu prinsip yang diyakini beliau. *Satyagraha* dan *ahimsa* di samping *Brahmacharya* adalah prinsip perjuangan Gandhi yang dipegangnya sampai akhir hayat. Beliau juga mempunyai hemah yang tinggi, optimistik²²⁷ sedia menjadi teladan. Berdepan dengan pembesar kerajaan kerana membela nasib orang bawahan

²²⁵ *Ibid.*, hh. 367-368. Berumur 35 tahun, seorang editor dan penerbit mingguan Hindu Mahasabha di Poona. Beliau seorang Brahman berdarjat tinggi. Beliau merupakan salah seorang perancang pembunuh Gandhi. Godse dikatakan amat marah kerana Gandhi tidak membuat tuntutan ke atas orang Islam.

²²⁶ *Ibid.*, h. 368.

²²⁷ *Ibid.*, h. 315. Seperti kata Gandhi: "...I am an irrepressible optimist, because I believe in myself. That sounds very arrogant, doesn't it? But I say it from the depths of my humility...I am an optimist because I expect many things from myself...I have not got them, I know, as I am not yet a perfect being...I want to attain that perfection by service. Address to Anglo-Indians, in *Young India*, August 13, 1925.

dan menyampaikan pandangan dan rasa hatinya secara berterus terang. Beliau juga mengamalkan hidup sederhana, disebut *fakir*,²²⁸ dengan berpakaian kain putih yang dililit di badannya dan hanya memakai capal seperti golongan kasta rendah. Kuat berpegang kepada janji sebagaimana janji dan ikrar kepada ibunya sebelum berangkat ke London. Sifat kesederhanaan juga diamalkan di kalangan keluarganya, ini terbukti apabila beliau dan keluarga pulang ke India buat seketika pada 1901-1902M, di mana pada majlis perpisahan yang diberikan oleh para pekerja India di Afrika Selatan, Gandhi dihadiahkan dengan seutas rantai leher berharga lebih kurang £50 pada masa itu, untuk Kasturbai, isterinya. Beliau memutuskan rantai tersebut dimasukkan ke tabung amanah untuk faedah masyarakat. Menjangka Kasturbai tidak akan setuju dengan keputusan beliau itu, Gandhi meminta anak-anaknya menyebelahnya bagi memberikan pandangan sebulat suara bahawa menyimpan hadiah tersebut bersalahan dari segi moral. Apabila beliau bersemuka dengan Kasturbai, terjadi dialog antara suami isteri, mengenai status barang kemas tersebut. Kasturbai pada mulanya keberatan, namun pada akhirnya, Gandhi berjaya mendapat persetujuan Kasturbai untuk menyerahkan barang kemas tersebut kepada tabung amanah. Hadiah yang diterima pada 1896M dan 1901M semua dikembalikan. Surat hebah amanah disiapkan, dan semuanya disimpan dalam sebuah bank untuk digunakan bagi keperluan masyarakat, berdasarkan persetujuan beliau atau pemegang amanah lain.²²⁹

²²⁸ *Ibid.*, h. 344. Mr. Churchill Perdana Menteri British pada masa itu menggelar Gandhi sebagai "the naked fakir".

²²⁹ M.K. Gandhi (1927), *op. cit.*, h. 166.

Boleh dikatakan bahawa Gandhi memilih hidup secara fakir seperti dinyatakan. Beliau pernah mengatakan bahawa "...Saya tidak pernah menghak ciptakan tulisan saya....Saya tidak mahu bertindak eksklusif....Saya tidak memiliki harta tetapi saya merasakan bahawa saya orang paling kaya di dunia. Kerana, saya tidak pernah merasa berkeinginan, sama ada untuk diri sendiri atau untuk masyarakat awam. Tuhan sentiasa menyahut seruan saya, tepat masanya....la terserah kepada dunia untuk mentertawakan saya, kerana melupakan semua harta benda daripada diri saya."²³⁰

Tentang "Mahatma" gelaran yang diberikan kepada beliau, Gandhi berkata: "Kebenaran bagi saya tentunya lebih bernilai daripada "kemahatmaan", yang sebenarnya adalah beban. Pengetahuan saya tentang keterbatasan diri saya dan kekurangan saya, setakat ini menyelamatkan saya daripada tekanan "kemahatmaan".²³¹ Begitu juga Gandhi tidak gemar dipanggil Mahatma dan dihormati berlebihan seperti katanya "*The Mahatma I shall leave to his fate. Though a non-cooperator I shall gladly subscribe to a bill to make it criminal for anybody to call me Mahatma and touch my feet...*"²³²

Beliau amat meyakini prinsip *Satyagraha* yakni perjuangan berdasarkan kebenaran dengan cara tidak menggunakan kekerasan atau [*non-violence*]. Dalam satu ucapan pemujaan di New Delhi, beliau dipetik sebagai berkata, "Tidakkah

²³⁰ Louis Fischer (1962) *op. cit.*, h. 308.

²³¹ *Ibid.*, h. 311. (Statement in 1928) dalam D.D. Tendulkar, *Mahatma*, Vol. II, hh. 43-44, seperti dikutip oleh Louis Fischer (1962).

²³² *Ibid.*

saya mempunyai perlakuan tanpa kekerasan orang yang berani dalam diri saya? Kematian saya sahaja yang akan menunjukkan itu. Jika seseorang membunuh saya, saya mati dengan doa untuk pembunuh pada bibir saya, dan ingatan kepada Tuhan dan kesedaran kewujudan-Nya hadir dalam lubuk hati saya, kemudian barulah saya dikatakan telah mempunyai perlakuan tanpa kekerasan daripada orang yang berani”²³³

Demikianlah sikap dan prinsip hidup Gandhi yang dihormati dan disanjung oleh jutaan umat manusia, walaupun beliau tidak menghendaki yang demikian itu berlaku.

3.3 Ciri-ciri Persamaan dan Perbezaan Antara Sir Syed Ahmad Khan dan Mahatma Gandhi

(a) Sir Syed Ahmad Khan dilahirkan di kalangan keluarga bangsawan Mughal, yang ketika itu berada pada zaman suramnya. Beliau lahir lebih kurang lima puluh tahun mendahului Gandhi. Manakala Mohandas Karamchand Gandhi dilahirkan dari kalangan Kasta *Bania* (pedagang), pada zaman British menguasai India sepenuhnya.

(b) Masing-masing datuk adalah bekas Perdana Menteri. Bagi Gandhi ayahnya Karamchand, juga bekas Perdana Menteri, manakala ayah Syed,

²³³ *Ibid.*, h. 364.

iaitu Syed Ahmad Muttaqi, menolak pelantikan sebagai Perdana Menteri Mughal dan digantikan dengan bapa mertuanya, Kwajah Fareed-ud-Din, iaitu datuk kepada Syed. Ibu kedua-dua orang tokoh ini orang taat beragama. Ibu Syed seorang wanita terpelajar dan kuat menjaga disiplin keluarga. Ibu Gandhi seorang yang taat beragama dan menanam nilai-nilai keagamaan ke dalam diri Gandhi. Kedua-dua mereka, masing-masing meninggalkan kesan mendalam terhadap kedua orang tokoh ini.

(c) Syed tidak mendapat pendidikan formal, hanya berguru dengan beberapa orang tokoh agama dan belajar dengan ibunya di rumah. Syed belajar berenang dan memanah daripada ayahnya. Kekurangan pendidikannya juga menyedarkan Syed betapa pentingnya pendidikan bersistematik dan moden untuk kemajuan hidup. Manakala Gandhi bersekolah rendah dan menengah secara formal. Walaupun beliau menyifatkan dirinya sebagai seorang murid yang lemah dan tidak pintar, tetapi atas keazaman, dorongan abang dan peluang yang terbuka pada masa itu, membolehkan Gandhi melayakkan diri sebagai seorang peguam setelah lulus peperiksaan akhir di *Inner Temple College of London*.

(d) Bagi Syed perubahan hidup berlaku setelah kematian ayah dan abangnya. Ayahnya tempat keluarga bergantung hidup, manakala abang sebagai teman paling rapat dengannya. Manakala peristiwa pemberontakan orang India terhadap British pada 1857M, mengubah pandangan dan

perjuangan sosial dan politiknya. Beliau menyaksikan sendiri betapa orang Islam dihina, diseksa, harta benda dijarah, kediaman dibakar dan mereka dibunuh dengan kejam tanpa usul periksa. Terpanggil untuk membela nasib masyarakatnya, Syed bertekad untuk mengubah pemikiran masyarakat India Muslim ke arah pembaharuan pendidikan dengan penerapan sistem pendidikan Barat. Untuk menjayakan hasrat ini beliau memilih bekerjasama dan menyokong pentadbiran British di India. Manakala bagi Gandhi perubahan hidup berlaku apabila penghinaan ke atas dirinya di pejabat seorang pegawai British yang tidak mahu menerima penerangan mengenai tuduhan terhadap abangnya, suatu yang pedih dan melukakan hatinya. Ia menunjukkan keangkuhan pegawai penjajah terhadap orang bawahan yang dijajahnya. Begitu juga kekasaran yang dialami di stesen kereta api Pietermaritzburg, di Natal Afrika Selatan, mengubah perjalanan hidup Gandhi seterusnya, daripada seorang peguam yang ingin mencari penghidupan baru yang selesa, kepada seorang peguam yang berjuang membela golongan tertindas, menyebabkan dirinya keluar masuk penjara selama 249 hari di Afrika Selatan.

(e) Syed ke England tahun 1869M, untuk melihat sendiri budaya dan institusi pendidikan Barat dengan mengambil contoh Oxford dan Cambridge sebagai matlamat akhirnya dalam pendidikan tinggi, dan Eaton sebagai pendidikan rendah dan menengah. Gandhi ke England pada 4 September

1888M, untuk menuntut ilmu dalam bidang Undang-undang. Kedua-dua mereka menghayati budaya, pemikiran dan pendidikan Barat.

(f) Dari segi kerjaya, Syed menceburkan diri dalam perkhidmatan undang-undang mulai dari bawah sebagai perakam di jabatan jenayah, pejabat hakim, mahkamah kes kecil di Delhi. Di samping berkerjaya, beliau mulai aktif menulis, antara tulisan awalnya *Āthār al-Sanādīd*, mengenai sejarah monumen di Delhi, dan *‘Ainy Akhbāri*, mengenai salasilah raja-raja Delhi. Dalam memilih tokoh untuk kajian, beliau memilih Akhbar daripada Aurangzeb. Beliau mengutarakan pandangannya tanpa takut atau gentar terhadap mana-mana pihak. Manakala Gandhi sebagai peguam bertauliah, cuba bertapak dalam kerjayanya dan pada masa yang sama berjuang membela nasib golongan bangsanya yang tertindas, sama ada oleh dasar diskriminasi kaum atau dasar pecah perintah penjajah British. Beliau juga menulis risalah dengan dasar perjuangannya seperti *Satyagraha* dan *Swaraj*.

(g) Dari segi strategi perjuangan, Syed memilih untuk bekerjasama dan menyokong British. Beliau berjaya menubuhkan *Alligarh Muslim College* pada tahun beliau meninggal dunia. Strategi Gandhi, menentang penjajah dengan prinsip tanpa menggunakan kekerasan, tidak bekerjasama, dan tidak mematuhi undang-undang kerajaan yang dianggapnya tidak adil. Syed tidak

meringkuk dalam penjara, manakala Gandhi masuk keluar penjara selama 2,089 hari di India.

(h) Syed meninggal dunia pada usia 81 tahun (27 Mac 1898M), atas sebab sakit tua, setelah perjuangan menegakkan pendidikan formal, saintifik dan pengajian tinggi, berjaya direalisasikan. Manakala Gandhi meninggal setelah menyaksikan India mencapai kemerdekaan daripada British, berusia 79 tahun (30 Januari, 1848M). Beliau di tembak sebanyak tiga das dari jarak dekat²³⁴ oleh seorang Hindu fanatik.²³⁵

(i) Riwayat hidup, kerjaya dan karya Syed ditulis oleh beberapa orang penulis biografi, termasuk penulis Barat. Manakala Mahatma Gandhi menulis sendiri riwayat dan falsafah hidupnya dalam bahasa Gujarati, kemudian diterjemahkan ke bahasa Inggeris oleh Mahadev Desai seorang setiausaha peribadi beliau.

²³⁴ Sir Penderel Moon (1968), *op. cit.*, h. 271.

²³⁵ Kebanyakan tulisan menggunakan istilah "fanatik", salah satunya lihat "Mahatma Gandhi Album", *op. cit.*, 16 April 2004.

Ada juga yang menggunakan istilah "*extremist*" kepada pembunuh Mahatma Gandhi, lihat Lorna Wredford, *op. cit.*, 24 Januari 2003.